



LAPORAN INTERIM

31 DISEMBER 2023

AMANAH SAHAM SARAWAK
Pelaburan Utama Demi Kemakmuran

LAPORAN INTERIM PENGURUS BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA.

Amanah Saham Sarawak Bhd (ASSB) selaku Syarikat Pengurusan bagi tabung Amanah Saham Sarawak (ASSAR) dengan sukacitanya mengemukakan Laporan Interim Pengurus bertarikh 31 Disember 2023.

MAKLUMAT ASAS TABUNG

Dana Amanah Saham Sarawak (ASSAR) telah ditubuh berlandaskan Surat Ikatan bertarikh 20 Ogos 1993, di antara Pemegang-pemegang unit, ASSB selaku Syarikat Pengurusan dan HSBC (Malaysia) Trustee Berhad selaku Pemegang Amanah dan Penjaga Tabung terdahulu. Walaubagaimanapun, pengurusan dan pengendaliannya kini adalah berlandaskan Surat Ikatan Dinyatakan Semula Kedua (*Second Restated Deed*) bertarikh 14 Oktober 2022 manakala AmanahRaya Trustees Bhd telah dilantik pada 1 Julai 2014 bagi menggantikan HSBC (M) Trustee Bhd.

MATLAMAT TABUNG

Secara amnya, ASSAR berperanan untuk menggalakkan sifat menabung di kalangan masyarakat Bumiputera di Sarawak bagi mempertingkatkan lagi taraf ekonomi mereka dengan membuka peluang untuk mereka turut serta di dalam aliran utama ekonomi menerusi pelaburan secara kolektif di dalam pasaran modal dan pasaran wang.

ASSAR ditawarkan kepada masyarakat Bumiputera Sarawak, sama ada individu mahupun institusi, dengan tujuan untuk memberikan satu lagi alternatif pelaburan yang diharap mampu menjana pertumbuhan melalui peningkatan modal dan pulangan jangka panjang yang berpatutan.

JENIS DAN KATEGORI TABUNG

Berdasarkan kepada kerangka perumpukan aset baharu yang telah diluluskan oleh para pelabur ASSAR pada Mesyuarat Pemegang Unit yang telah diadakan pada 14 Oktober 2022 dimana sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) Nilai Aset Bersih (NAB) adalah untuk pelaburan didalam sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan/atau deposit, manakala maksimum tiga puluh peratus (30%) NAB untuk dilaburkan didalam pasaran ekuiti, maka ASSAR kini dikategorikan sebagai dana berpendapatan tetap atau '*fixed income fund*' berbanding dana pertumbuhan dan pendapatan atau '*growth and income fund*' sebelum ini.

OBJEKTIF PELABURAN

Sejajar dengan perumpukan aset baharu seperti yang dinyatakan di atas, objektif pelaburan ASSAR telah dikemaskini untuk fokus kepada pengagihan pendapatan berkala/konsisten kepada para pelabur bagi jangka masa sederhana hingga panjang. Di samping itu, harga pembelian balik unit ASSAR dijamin tidak akan turun di bawah paras RM1.00 sepanjang Tempoh Jaminan.

POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bergantung kepada jumlah pulangan bersih yang dihasilkan, ASSAR akan membuat pengagihan pendapatan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun kewangan. Pengagihan akan dibuat dalam bentuk tunai atau unit-unit tambahan.

Sila rujuk Bahagian 6.10 Prospektus ASSAR bertarikh 20 Oktober 2022 untuk keterangan lanjut mengenai Polisi Pengagihan dan Pelaburan Semula.

JANGKA HAYAT TABUNG

ASSAR telah mula beroperasi pada 25 Ogos 1993 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan mengikut peruntukan di bawah Bahagian 12 Surat Ikatan Dinyatakan Semula Kedua (*Second Restated Deed*) bertarikh 14 Oktober 2022.

PENANDA ARAS PRESTASI

Pihak Pengurus dengan persetujuan Pengurus Dana baharu, iaitu AHAM Asset Management Bhd, telah menjadikan kadar simpanan tetap 12-bulan Maybank + satu peratus (1%) setiap tahun* sebagai penanda aras untuk menilai prestasi relatif tabung ASSAR.

Kadar simpanan tetap 12-bulan Maybank dipilih kerana ianya mencerminkan pulangan ke atas instrumen simpanan lazim manakala tambahan satu peratus (1%) pula diperuntukan kepada pemegang unit sejajar dengan risiko pelaburan yang diambil.

Kadar simpanan tetap 12-bulan Maybank boleh didapati di pautan www.maybank2u.com.

**Profil risiko tabung ASSAR adalah berlainan daripada profil risiko penanda aras.*

PENYATA PENCAPAIAN SKIM ASSAR

PENYATA PENCAPAIAN SKIM ASSAR BAGI TAHUN BERAKHIR:

	30-Jun-23*	30-Jun-22*	30-Jun-21*
SENARAI PELABURAN BERDASARKAN SEKTOR (Selepas Pengagihan)			
SAHAM DISEBUTHARGA			
Papan Utama			
Pembinaan	0.00%	0.02%	0.03%
Barangan & Perkhidmatan Industri	1.86%	0.00%	0.00%
Barangan & Perkhidmatan Pengguna	1.85%	0.02%	0.04%
Pengangkutan & Logistik	0.94%	0.00%	0.00%
Penjagaan Kesihatan	0.69%	0.00%	0.00%
Perkhidmatan Kewangan	4.07%	0.33%	0.32%
Perladangan	1.18%	0.00%	0.00%
Teknologi	3.16%	0.00%	0.00%
Telekomunikasi & Media	0.69%	0.00%	0.00%
Tenaga	0.41%	0.02%	0.05%
Hartanah	0.00%	0.01%	0.01%
Utiliti	1.37%	0.00%	0.00%
PASARAN ACE	2.84%	0.01%	0.01%
Saham Tidak Disebutharga	0.00%	0.00%	0.00%
Skim Pelaburan Kolektif			
REITs	2.51%	0.00%	0.00%
PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP & SEKURITI HUTANG TIDAK DISEBUT HARGA			
Terbitan Pelaburan Kerajaan	7.28%	0.00%	0.00%
Sekuriti Kerajaan Malaysia	8.37%	0.00%	0.00%
Nota Jangka Sederhana	10.13%	0.00%	0.00%
Nota Jangka Sederhana Islam	29.53%	0.00%	0.00%
Nota Jangka Panjang Islam	6.05%	0.00%	0.00%
DEPOSIT/TUNAI/LAIN-LAIN	17.07%	0.60%	0.62%
JUMLAH PELABURAN	100.00%	1.01%	1.08%
JUMLAH JAMINAN	0.00%	98.99%	98.92%
JUMLAH	100.00%	100.00%	100.00%
BILANGAN UNIT DALAM EDARAN	468,354,021	468,354,021	461,554,021

NILAI ASET BERSIH			
Selepas Pengagihan (RM)	496,155,506	468,354,021	461,554,021
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM)	1.0594	1.0000	1.0000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT - TERTINGGI**			
Selepas Pengagihan (RM)	1.0594	1.0000	1.0000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT - TERENDAH**			
Selepas Pengagihan (RM)	1.0000	1.0000	1.0000
JUMLAH PULANGAN DARI PERTUMBUHAN MODAL TAHUNAN**			
-dikira berdasarkan harga belian balik penghujung tahun perakaunan berbanding harga belian penghujung tahun sebelumnya	5.94%	0.00%	0.00%
PULANGAN DARI PENGAGIHAN PENDAPATAN TAHUNAN	0.00%	0.00%	0.00%
PULANGAN DARI PENGAGIHAN UNIT BONUS			
-dikira pada harga belian balik selepas pengagihan pendapatan	0.00%	0.00%	0.00%
JUMLAH PULANGAN TAHUNAN	5.94%	0.00%	0.00%
PENGAGIHAN SEUNIT (SEN)			
-INTERIM			
KASAR	-	-	-
BERSIH	-	-	-
TARIKH	31-Dis-22	31-Dis-21	31-Dis-20
PENGAGIHAN SEUNIT (SEN)			
-AKHIR			
KASAR	-	-	-
BERSIH	-	-	-
TARIKH	30-Jun-23	30-Jun-22	30-Jun-21
NISBAH JUMLAH PERBELANJAAN #	1.13%	1.57%	1.57%

Nota:

- Perubahan ketara pada nisbah jumlah perbelanjaan bagi tahun kewangan 2023 adalah disebabkan yuran pengurusan dicajkan pada kadar yang lebih rendah (bermula 22 Oktober 2022) berbanding tahun kewangan 2022 dan 2021.

NISBAH PUSING GANTI PORTFOLIO ##

(Kali)	0.48	0.00	0.00
---------------	------	------	------

Nota:

-Perubahan pada Nisbah Pusing Ganti Portfolio bagi tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022 dan 2021 adalah sejajar dengan strategi pelaburan dan keadaan pasaran saham.

PURATA PULANGAN TAHUNAN**

Untuk Tempoh 1 Tahun	5.94%
Untuk Tempoh 3 Tahun	1.98%
Untuk Tempoh 5 Tahun	1.19%

JUMLAH PULANGAN TAHUNAN*

Untuk Tahun Berakhir 30 Jun 2023	5.94%
Untuk Tahun Berakhir 30 Jun 2022	0.00%
Untuk Tahun Berakhir 30 Jun 2021	0.00%
Untuk Tahun Berakhir 30 Jun 2020	0.00%
Untuk Tahun Berakhir 30 Jun 2019	0.00%

Nota:

Jumlah pulangan tahunan terdiri daripada pulangan dari pertumbuhan modal tahunan dan pulangan dari pengagihan pendapatan dan/atau pengagihan unit bonus tahunan.

*Sumber dari Penyata Kewangan Teraudit

**Sumber dari ASSAR Nominees (Tempatan) Sdn Bhd

PENCAPAIAN MASA LALU BUKANLAH PETUNJUK BAGI PENCAPAIAN MASA DEPAN DAN HARGA UNIT SERTA PULANGAN PELABURAN BOLEH BERUBAH.

LAPORAN PENGURUS

OBJEKTIF PELABURAN

ASSAR ditawarkan kepada masyarakat Bumiputera khususnya Bumiputera Sarawak dengan tujuan untuk memberikan satu lagi alternatif pelaburan yang diharap mampu menjana pulangan pendapatan berkala/konsisten kepada para pelaburnya bagi jangka masa sederhana hingga panjang.

Bagi tempoh enam (6) bulan pertama tahun kewangan semasa berakhir 30 Jun 2024, ASSAR telah mengumumkan pengagihan dividen interim tunai sebanyak 2.50 sen (RM0.0250) seunit, dikira berdasarkan baki pegangan pada 31 Disember 2023. Ini merupakan satu lagi perkembangan yang membanggakan pasca penstrukturan ASSAR yang selesai disempurnakan pada 21 Oktober 2022, memandangkan sebelum ini ASSAR tiada membuat sebarang pengagihan dividen selama 9 tahun berturut-berturut sejak tahun 2014. Di samping itu, NAB ASSAR terus mencatatkan pertumbuhan iaitu meningkat daripada RM1.0594 seunit pada 30 Jun 2023 kepada RM1.0604 seunit pada 31 Disember 2023.*

**Nota: NAB setelah penyelarasan pengagihan pendapatan interim.*

ANALISA PRESTASI ASSAR

Berkuatkuasa pada 22 Oktober 2022, penanda aras baharu ASSAR iaitu kadar simpanan tetap 12-bulan Maybank + 1% digunakan untuk menilai prestasi tabung ASSAR.

Laporan interim ini merupakan julung kali prestasi ASSAR dinilai sepenuhnya menggunakan penanda aras baharu. Ini adalah kerana bagi tahun kewangan sebelumnya yang berakhir pada 30 Jun 2023, penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baharu (seperti yang dinyatakan diatas) dan yang lama iaitu indeks FBM KLCI.

Prestasi tabung ASSAR berbanding penanda aras bagi tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

Pulangan dari Pengagihan Dividen*	2.36%
Pulangan Penanda Aras#	1.90%

** Berdasarkan NAB seunit RM1.0604 pada 31 Disember 2023 setelah penyelarasan pengagihan pendapatan interim*

Berdasarkan purata kadar Penanda Aras untuk tahun 2023 dan di pro-rata untuk tempoh 6 bulan

DASAR DAN STRATEGI YANG DIGUNAKAN

ASSAR berhasrat untuk mencapai matlamatnya dengan melabur dalam portfolio terpelbagai yang merangkumi sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) NAB dalam instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan/atau deposit, dan maksimum tiga puluh peratus (30%) NAB dalam ekuiti. Komposisi portfolio sebegini dijangka mampu menjana pendapatan berkala bagi para pelabur selain menyediakan potensi pertumbuhan nilai modal menerusi peningkatan harga pelaburan. Di samping itu, ASSAR juga dibenarkan untuk melabur sehingga tiga puluh peratus (30%) NAB nya di dalam pasaran modal asing.

Bagi mengenal pasti peluang pelaburan, pihak Pengurus Dana akan menggabungkan penggunaan kaedah 'top-down' dan 'bottom-up'. Penilaian pelaburan berdasarkan pendekatan 'top-down' antara lain mengambil kira faktor makro seperti tinjauan pertumbuhan ekonomi, kadar inflasi, kadar faedah dan mata wang, manakala pendekatan 'bottom-up' pula fokus kepada proses pemilihan sekuriti itu sendiri untuk mengenal pasti instrumen pelaburan pendapatan tetap mahupun ekuiti yang mempunyai ciri-ciri menarik serta berpotensi, bagi merealisasikan matlamat pelaburan ASSAR.

Pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap yang dibenarkan merangkumi bon kerajaan dan korporat, yang sekurang-kurangnya mempunyai penarafan gred pelaburan. Selain itu ASSAR telah menetapkan penarafan minimum seperti berikut bagi pelaburan di dalam instrumen pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang:

- penarafan hutang jangka panjang bagi instrumen pendapatan tetap yang disebut harga dalam Ringgit Malaysia mestilah setara A3 / A- oleh RAM Rating Services Berhad ("RAM") / Malaysian Rating Corporation Berhad ("MARC").
- penarafan hutang jangka pendek bagi instrumen pasaran wang yang disebut harga dalam Ringgit Malaysia mestilah setara P2 oleh RAM / MARC.
- penarafan hutang jangka panjang bagi instrumen pendapatan tetap yang disebut harga dalam mata wang asing mestilah setara Baa3 / BBB- / BBB- oleh Moody's / Standard & Poor / Fitch.
- penarafan hutang jangka pendek bagi instrumen pasaran wang yang disebut harga dalam mata wang asing mestilah setara P-1 / A-1 / F-1 oleh Moody's / Standard & Poor / Fitch.

Penarafan minimum yang dinyatakan di atas bagaimanapun tidak dikenakan untuk bon yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Jenis bon-bon tersebut merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan Malaysia, Bil Perbendaharaan Islam Malaysia, Nota Monetari Bank Negara Malaysia, Nota Monetari Islam Bank Negara Malaysia dan bon yang dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

Bagi pelaburan ekuiti pula, fokus adalah kepada saham-saham yang mempunyai kadar dividen tinggi dan saham-saham pertumbuhan dengan tujuan meningkatkan aliran pendapatan serta peningkatan modal dana ASSAR. Penekanan akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai aliran tunai yang mampan, rekod pengagihan dividen yang tinggi serta konsisten dan/atau mempunyai potensi pertumbuhan modal.

Dana ASSAR akan diurus secara aktif dan kekerapan dagangan sekuriti adalah bergantung kepada keadaan pasaran semasa.

Untuk mencapai matlamatnya, ASSAR juga mempunyai fleksibiliti untuk melabur didalam instrumen waran dan juga skim pelaburan kolektif lain yang mempunyai objektif pelaburan yang sama dengan ASSAR.

PORTFOLIO

Polisi pelaburan ASSAR ialah untuk melabur di dalam pelaburan yang dibenarkan berdasarkan Surat Ikatan Amanah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

Bagi tempoh setengah tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, pelaburan ekuiti ASSAR merangkumi 13 sektor melibatkan langganan saham di dalam 26 buah syarikat manakala bagi 5 kategori pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pula melibatkan 27 buah syarikat dengan kos keseluruhan pelaburan sebanyak RM452.29 juta. Di samping itu, ASSAR juga menjalankan urus niaga di dalam pasaran wang, tunai dan lain-lain dengan kos pelaburan sebanyak RM40.64 juta.

Ringkasan portfolio berdasarkan pecahan pelaburan mengikut sektor dan kos pelaburannya adalah seperti berikut:

SENARAI SEKTOR PELABURAN ASSAR

Sektor	Kos Pelaburan	
	RM	%
BARANGAN & PERKHIDMATAN PENGGUNA	3,872,509	0.79
PENGANGKUTAN & LOGISTIK	8,107,592	1.64
PENJAGAAN KESIHATAN	2,448,176	0.50
PERKHIDMATAN KEWANGAN	24,899,370	5.05
PERLADANGAN	7,659,473	1.55
TEKNOLOGI	11,357,718	2.30
TELEKOMUNIKASI & MEDIA	12,551,917	2.55
HARTANAH	1,281,279	0.26
TENAGA	2,945,438	0.60
UTILITI	16,192,134	3.29
PASARAN ACE	3,111,141	0.63
PELABURAN EKUITI TIDAK DISEBUTHARGA	4,838,691	0.98
REITS	12,320,013	2.50
TERBITAN PELABURAN KERAJAAN	34,572,015	7.01
SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA	19,905,000	4.04
NOTA JANGKA SEDERHANA	64,994,000	13.19
NOTA JANGKA SEDERHANA ISLAM	185,753,050	37.68
NOTA JANGKA PANJANG ISLAM	35,478,000	7.20
JUMLAH PELABURAN	452,287,516	91.76
TUNAI, PASARAN WANG DAN LAIN-LAIN	40,638,832	8.24
JUMLAH KOS PELABURAN	492,926,348	100.00

**PERUBAHAN PEGANGAN SEKTOR BERDASARKAN KOS PELABURAN BAGI TEMPOH
31 DISEMBER 2022 KE 31 DISEMBER 2023**

Sektor	%	%
	31-Dis-23	31-Dis-22
BARANGAN & PERKHIDMATAN PENGGUNA	0.79	0.92
PENGANGKUTAN & LOGISTIK	1.64	0.99
PENJAGAAN KESIHATAN	0.50	-
PERKHIDMATAN KEWANGAN	5.05	4.06
PERLADANGAN	1.55	0.21
TEKNOLOGI	2.30	2.81
TELEKOMUNIKASI & MEDIA	2.55	1.04
HARTANAH	0.26	-
TENAGA	0.60	1.05
UTILITI	3.29	0.96
PASARAN ACE	0.63	-
PELABURAN EKUITI TIDAK DISEBUTHARGA	0.98	1.19
REITS	2.50	1.17
TERBITAN PELABURAN KERAJAAN	7.01	-
SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA	4.04	-
NOTA JANGKA SEDERHANA	13.19	-
NOTA JANGKA SEDERHANA ISLAM	37.68	-
NOTA JANGKA PANJANG ISLAM	7.20	-
JUMLAH PELABURAN	91.76	14.40
TUNAI, PASARAN WANG DAN LAIN-LAIN	8.24	85.60
JUMLAH KOS PELABURAN	100.00	100.00

**Sebaran perubahan ketara adalah sejajar dengan pasaran semasa dan keperluan tabung.*

PENILAIAN PASARAN

Tahun 2023 dianggap sebagai tahun di luar jangkaan memandangkan pada permulaannya ramai pelabur meramalkan ekonomi Amerika Syarikat (AS) akan mengalami kemelesetan dan sentimen negatif itu turut melemahkan pasaran saham dunia. Unjuran sepakat mengenai kemelesetan ekonomi AS didorong oleh jangkaan kenaikan kadar faedah yang agresif oleh Rizab Persekutuan AS ("*US Federal Reserve*" (*Fed*)) bagi menangani tekanan inflasi. Bagaimanapun, menjelang suku terakhir tahun 2023, penggubal dasar monetari AS tersebut telah memberi petunjuk bahawa kadar faedah AS akan dikekalkan, lantas memulihkan sentimen pelabur dan mencetuskan kenaikan pasaran saham global terutamanya pada bulan November, dengan kesannya turut dirasai di pasaran tempatan yang menyaksikan FBM KLCI menamatkan separuh kedua tahun 2023 dengan kenaikan 5.66%.

Pada permulaan tempoh kewangan yang dilaporkan, beberapa pengumuman dasar oleh Kerajaan Pusat turut mendapat perhatian pelabur. Antaranya termasuklah Kerangka Ekonomi Madani yang menetapkan beberapa sasaran penting ekonomi dan juga Bahagian 1 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("*National Energy Transition Roadmap (NETR)*") yang bercadang mencapai campuran kapasiti tenaga boleh diperbaharui ("*Renewable Energy*") sebanyak 70% menjelang tahun 2050. Ini diikuti pada bulan berikutnya pengumuman mengenai Bahagian 2 NETR dan juga Pelan Induk Perindustrian Baharu. Dalam perkembangan lain, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri bercadang untuk menguatkuasakan moratorium selama 2 tahun keatas pengeluaran lesen baru bagi industri besi dan keluli. Perkembangan itu dilihat mampu menjadi pemangkin kepada pengeluar-pengeluar yang sedia ada dengan meredakan persaingan dan menghadkan bekalan baru di pasaran. Di samping itu, Kerajaan juga mengumumkan rancangan untuk memberikan tempoh perjalanan tanpa visa selama 30 hari kepada rakyat China dan India, sebagai rangsangan bagi sektor berkaitan pelancongan yang sudah mula menyaksikan peningkatan ketibaan pelancong.

Separuh kedua tahun 2023 juga menyaksikan selesainya pilihan raya negeri yang memberi gambaran bahawa kemelut politik negara sudah mula reda dan ini diikuti pula dengan pengumuman Belanjawan 2024 yang menerangkan tentang dasar-dasar Kerajaan. Paling penting, Kerajaan telah mengambil langkah pertama untuk menangani kos subsidi yang tinggi dengan melaksanakan pendekatan yang lebih bersasar. Secara keseluruhannya, Belanjawan 2024 adalah neutral kepada pasaran kerana belanjawan kali ini tidak mengenakan cukai yang membebankan seperti cukai makmur, levi perjudian atau duti eksais yang menjadi kebimbangan di tahun-tahun lepas. Sektor penjagaan kesihatan, pembinaan, penggunaan dan tenaga boleh diperbaharui, adalah antara pemenang kali ini berikutan manfaat daripada pelbagai inisiatif galakan di bawah Belanjawan 2024. Berikutan pengumuman belanjawan pada bulan Oktober 2023, kadar hasil bon Malaysia meningkat, dengan kadar hasil MGS 10 tahun naik sebanyak 10 mata asas ("*basis points (bps)*") untuk ditutup pada paras 4.07% pada hujung bulan.

Bagi instrumen pendapatan tetap domestik, pada penghujung bulan Disember 2023, Sekuriti Kerajaan Malaysia ("*Malaysian Government Securities (MGS)*") untuk 3 tahun, 10 tahun dan 30 tahun masing-masing berada pada paras sekitar 3.47% (-1bps), 3.73% (-11bps) dan 4.25% (-5bps). Permintaan bagi bon tempatan lebih tertumpu kepada bon bertempoh panjang dan hal ini dapat dilihat pada keluk kadar hasil yang mendarat akibat penurunan lebih pantas kadar jangka panjang pada akhir tahun. Sementara itu, kadar inflasi asas menyusut sedikit kepada 1.50% pada bulan November, berbanding 1.80% pada bulan Oktober 2023, manakala kadar inflasi teras turun kepada 2% daripada 2.40%. Walaupun berdepan dengan risiko kenaikan inflasi disebabkan langkah rasionalisasi subsidi, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka tidak membuat sebarang pelarasan kepada kadar dasar semalaman ("*Overnight Policy Rate (OPR)*") yang akan dikekalkan pada 3%.

Komoditi umumnya mencatatkan prestasi kurang memberangsangkan pada tahun 2023. Walaupun berdepan dengan ketegangan geopolitik dan pengurangan pengeluaran oleh OPEC+, harga minyak mentah mengalami penyusutan 10% disebabkan kebimbangan terhadap permintaan global selain turut

terjejas dengan pengeluaran lebih tinggi oleh AS. Lebih mengejutkan, harga gas asli di kalangan pengeluar Eropah merosot lebih 50% berbanding tahun 2022. Komoditi pertanian juga turut terjejas apabila keuntungan besar yang diperolehi pada tahun 2022 tidak lagi dikecapi kerana isu kekangan bekalan berjaya ditangani berikutan peningkatan pengeluaran sepanjang tahun 2023. Sebaliknya, emas mencatatkan kenaikan harga yang besar dengan prestasi terbaik dalam tempoh tiga tahun memandangkan tahap kemeruapan ("*volatility*") kekal tinggi berlatarkan penurunan tekanan inflasi dan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing.

TINJAUAN PELABURAN DAN STRATEGI DANA

Risiko kemelesetan ekonomi yang diramalkan akan terjadi pada tahun 2023 ternyata meleset. Pasaran modal kekal mantap walaupun berdepan dengan peristiwa makro serta dasar monetari mengembang. Meninjau ke hadapan ke tahun 2024, pasaran modal akan berdepan dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan, namun kemelesetan secara mendadak dapat dibendung dengan adanya campur tangan oleh pihak Fed. Dengan tinjauan yang lebih konservatif serta penyusutan tekanan inflasi, tumpuan dijangka beralih daripada kenaikan kadar faedah kepada pengekelan kadar semasa dan berdasarkan pengalaman masa lalu, pasaran modal menunjukkan prestasi yang baik apabila kadar faedah dikekalkan.

Dalam sektor pendapatan tetap, kebimbangan tentang tekanan inflasi telah mula reda walaupun ianya masih lebih tinggi daripada sasaran 2% oleh Fed. Harga pasaran bagi Kadar Dana Fed AS telah berubah ke paras lebih rendah dengan pindaan lakaran graf *Federal Open Market Committee (FOMC)* yang terbaharu. Memandangkan pasaran negara maju sudah menghampiri puncak kitaran, kesanggupan untuk menanggung risiko akan menyaksikan peralihan kembali dana ke Pasaran Baru Muncul ("*emerging markets*").

Di dalam negara, potensi pertumbuhan sederhana dan inflasi yang rendah pasti menyokong pasaran instrumen pendapatan tetap. Terbitan bon kerajaan yang lebih terhad pada tahun 2024 ekoran langkah konsolidasi fiskal juga satu lagi faktor positif. Kecairan domestik adalah tinggi dan permintaan berdasarkan tempoh akan datang daripada dana persaraan dan dana insuran hayat.

Namun begitu, tekanan luar dalam bentuk perbezaan kadar faedah yang lebih meluas dan kelemahan Ringgit mungkin mengakibatkan kadar jangka pendek kekal pada paras yang lebih tinggi.

Bagi pasaran ekuiti tempatan pula, pihak Pengurus Dana lebih cenderung kepada beberapa pelaburan bertema. Permintaan yang semakin meningkat bagi hartanah di negara ini serta penilaian yang kekal rendah selepas prestasi kurang baik selama beberapa tahun lalu menjadikan sektor hartanah berpotensi untuk menjana pulangan yang baik pada masa depan. Dari sudut lain pula, pemacu jangka panjang seperti penduduk yang semakin lanjut usia dan penggunaan insurans yang semakin meningkat juga bakal menjana pertumbuhan pendapatan mantap dalam industri penjagaan kesihatan.

PROSPEK TABUNG

Meskipun keadaan ekonomi dan pasaran saham semasa adalah mencabar, program transformasi dan usaha berterusan kerajaan untuk memperkukuhkan asas ekonomi dan mempelbagaikan sumber perolehan negara membolehkan peluang pelaburan kekal terbuka untuk ASSAR.

Pihak Syarikat Pengurusan telah melaksanakan inisiatif untuk menstruktur tabung ASSAR melalui permodalan semula untuk memberikannya permulaan yang baharu. Inisiatif ini dijangka mampu untuk menggalakkan kemampunan jangka panjang dan kebebasan kewangan tabung ASSAR. Cadangan penstrukturan semula ASSAR telah mendapat sokongan penuh pada Mesyuarat Pemegang Unit yang diadakan pada 14 Oktober 2022 manakala proses pelaksanaannya telah berjaya dimuktamadkan pada 21 Oktober 2022.

Antara perubahan utama yang telah dilakukan ialah pelantikan pengurus dana baharu, meminda Objektif Pelaburan dan meminda Dasar Pengagihan Pendapatan dimana pengagihan pendapatan kepada para pelabur akan dilakukan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap tahun kewangan bergantung pada tahap pendapatan bersih yang dijana oleh ASSAR.

Secara keseluruhannya, penstrukturan semula dijangka mampu meningkatkan potensi ASSAR dengan memberikannya asas modal yang lebih tinggi bagi membolehkan objektif pelaburan baharu dilaksanakan dengan jayanya mengikut kerangka perumpukan aset dan strategi baharu dimana sekurang-kurangnya 70% daripada NAB akan dilaburkan didalam sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan/atau deposit manakala maksimum 30% NAB dilaburkan didalam pasaran ekuiti.

Strategi baharu ini mampu mengurangkan kadar kemruapan atau *volatility* portfolio ASSAR disamping memberi pulangan pelaburan yang konsisten melalui pendapatan faedah daripada sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang serta pendapatan dividen daripada ekuiti. Manakala, pelaburan dalam ekuiti juga akan membantu menjana peningkatan prestasi ASSAR melalui keuntungan modal apabila pasaran ekuiti kembali pulih.

Oleh yang demikian, penstrukturan semula ini dijangka dapat meningkatkan kemampanan jangka panjang ASSAR yang secara langsung memberi manfaat dan menguntungkan pelabur ASSAR kerana dengan penerapan strategi pelaburan yang lebih dinamik, ia dapat menghasilkan perlindungan yang lebih baik kepada NAB ASSAR dan seterusnya menyokong peningkatan tabung ASSAR.

Pelabur digalakkan untuk mengekalkan serta mempertingkatkan lagi tabungan mereka di dalam skim ASSAR. Dengan cara itu, peluang pelaburan dapat diperbesarkan lagi dan sekali gus mengukuhkan kedudukan dan prospek jangka masa panjang ASSAR.

PENGAGIHAN INTERIM BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2024

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Sila ambil perhatian Syarikat Pengurusan tidak menjamin pulangan pelaburan.

Bagi tahun kewangan semasa ASSAR, Syarikat Pengurusan dengan persetujuan Pemegang Amanah iaitu Amanahraya Trustees Berhad telah memperuntukkan RM11.71 juta bagi tujuan pengagihan interim tunai iaitu bersamaan dengan 2.50 sen seunit. Melalui pengagihan tersebut, tabung ASSAR telah mencapai objektifnya untuk membuat pengagihan pendapatan kepada para pelabur sekurang-kurangnya sekali bagi setiap tahun kewangan bergantung pada pendapatan bersih yang dijana oleh ASSAR.

SUMBER PENGAGIHAN

Pengagihan interim tunai RM11.71 juta atau bersamaan dengan 2.50 sen seunit kepada pemegang-pemegang unit ASSAR adalah daripada sumber-sumber yang diperolehi bagi tempoh 1 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2023, seperti berikut:

	1 Julai 2023 – 31 Disember 2023
Pendapatan Pelaburan:	RM
Pendapatan faedah dari instrumen pasaran dan sekuriti berpendapatan tetap	8,579,003
Pendapatan dividen	1,737,626
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	5,274,026
Jumlah	15,590,655
Tolak: Perbelanjaan	(2,304,618)
Jumlah pendapatan ternyata	13,286,037
Pengagihan pendapatan yang ternyata	11,708,851

HAL EHWAL DANA

Tidak terdapat sebarang perubahan ketara kepada hal ehwal Dana mahupun sebarang keadaan yang mungkin menjejaskan sebarang kepentingan pemegang unit dalam tempoh yang dilaporkan.

TRANSAKSI PEMBIAYAAN SEKURITI

ASSAR tidak melaksanakan sebarang aktiviti pinjaman sekuriti atau melakukan transaksi pembelian balik sekuriti dalam tempoh yang dilaporkan.

DASAR TIDAK MENERIMA REBAT DARIPADA BROKER

Pengurus Dana dan/atau wakilnya tidak menerima sebarang rebat daripada broker bagi pihak ASSAR dalam tempoh yang dilaporkan.

DAGANGAN SILANG

Tiada transaksi dagangan silang dalam tempoh yang dilaporkan.

KOMISEN RINGAN YANG DITERIMA DARIPADA BROKER

Komisen ringan yang diterima daripada broker/wakil penjual boleh disimpan oleh syarikat pengurusan hanya jika:-

- (i) barangan dan perkhidmatan yang disediakan mempunyai manfaat jelas kepada pemegang Unit Amanah; dan
- (ii) barangan dan perkhidmatan adalah dalam bentuk penyelidikan dan khidmat nasihat yang membantu dalam proses membuat keputusan.

Bagi tempoh enam (6) bulan pertama tahun kewangan semasa berakhir 30 Jun 2024, ASSAR telah menerima komisen ringan daripada broker/ wakil penjual yang juga telah melaksanakan dagangan untuk dana-dana lain yang diuruskan oleh AHAM Asset Management Berhad. Komisen ringan tersebut adalah dalam bentuk bahan penyelidikan, data dan perkhidmatan sebut harga, bekalan data pasaran, agensi penanda aras industri dan penerbitan berkaitan pelaburan yang kesemuanya dimanfaatkan bagi membantu Pengurus Dana dalam proses membuat keputusan pelaburan. Komisen ringan yang diterima adalah untuk faedah ASSAR dan tiada jual beli berlebihan dilaksanakan untuk melayakkan ASSAR menerima komisen ringan tersebut.

**PENYATAAN PEMEGANG AMANAH
BAGI TEMPOH SETENGAH TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Para Pemegang Unit AMAHAH SAHAM SARAWAK (“Tabung”)

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2023 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM SARAWAK BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah; dan
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Ketua Pegawai Eksekutif
Tarikh: 9 Februari 2024

PENYATA SYARIKAT PENGURUSAN

Kami, **Dato Sri Haji Wahab Haji Dolah** dan **Datu Haji Soedirman Haji Aini**, sebagai Pengarah kepada **Amanah Saham Sarawak Berhad** ("**Syarikat Pengurusan**"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Syarikat Pengurusan, penyata kewangan berserta nota-nota (belum diaudit) yang dibentangkan pada muka surat 15 hingga 64 telah dirangka menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa serta Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **AMANAH SAHAM SARAWAK** ("**Unit Amanah**") pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tempoh setengah tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ianya mematuhi keperluan Surat Iktatan.

Ditandatangani bagi pihak **AMANAH SAHAM SARAWAK BERHAD** menurut resolusi para Pengarah bertarikh 27 Februari 2024.

Dato Sri Haji Wahab Haji Dolah
Pengerusi

Datu Haji Soedirman Haji Aini
Pengarah

Kuching, Malaysia
Tarikh:

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF (BELUM DIAUDIT)
BAGI TEMPOH SETENGAH TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
PENDAPATAN/(KERUGIAN)			
Pendapatan dividen		1,737,626	219,591
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan dan sekuriti berpendapatan tetap		8,579,003	2,715,459
Keuntungan/(kerugian) ternyata daripada jualan pelaburan	7	5,274,026	(10,684,360)
(Kerugian)/keuntungan bersih daripada pelaburan:			
- Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")	7	(1,067,499)	12,048,277
		<u>14,523,156</u>	<u>4,298,967</u>
PERBELANJAAN			
Yuran Syarikat Pengurusan	4	1,891,738	2,859,780
Yuran Pemegang Amanah	5	151,339	141,784
Ganjaran juruaudit/profesional		-	50,000
Ganjaran juruaudit - peruntukan terkurang pada tahun sebelumnya		2,000	-
Perbelanjaan pentadbiran		259,541	196,820
		<u>2,304,618</u>	<u>3,248,384</u>
Pendapatan bersih sebelum cukai		12,218,538	1,050,583
Cukai	6	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai mewakili jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun semasa		12,218,538 =====	1,050,583 =====
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		13,286,037	(10,997,694)
Tidak ternyata		(1,067,499)	12,048,277
		<u>12,218,538</u> =====	<u>1,050,583</u> =====

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF (BELUM DIAUDIT)
BAGI TEMPOH SETENGAH TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Dividen bagi tahun semasa:			
Pengagihan bersih	10	11,708,851 =====	- =====
Pengagihan bersih seunit (sen)	10	2.50 =====	- =====
Pengagihan kasar seunit (sen)	10	2.50 =====	- =====

Dasar-dasar perakaunan serta nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (BELUM DIAUDIT)
PADA 31 DISEMBER 2023**

	Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)	7	456,012,894	64,440,325
Pendapatan belum diterima	8	4,280,005	-
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	9	47,489,598	427,808,869
Lain-lain penghutang		-	1,088,887
Tunai di bank	16	939,106	11,955
Tuntutan cukai		-	4,687
Amaun terhutang kepada Syarikat Broker		-	1,314,361
JUMLAH ASET		508,721,603 =====	494,669,084 =====
LIABILITI			
Pelbagai pemiutang dan akru		9,500	49,200
Amaun terhutang kepada Syarikat Pengurusan		312,351	23,133,145
Amaun terhutang kepada Pemegang Amanah		25,708	23,985
Peruntukan Pengagihan		11,708,851	-
JUMLAH LIABILITI		12,056,410 =====	23,206,330 =====
EKUITI DARI PEMEGANG-PEMEGANG UNIT			
Modal pemegang-pemegang unit	11(a)	576,192,228	576,192,228
Kerugian terkumpul	11(b)(c)	(79,527,035)	(104,729,474)
JUMLAH EKUITI/NILAI ASET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		496,665,193 =====	471,462,754 =====
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		508,721,603 =====	494,669,084 =====
JUMLAH UNIT DALAM EDARAN	11(a)	468,354,021 =====	468,354,021 =====
NILAI ASET BERSIH ("NAB") (seperti yang ditakrifkan dalam Surat Ikatan Dinyatakan Semula bertarikh 14 Oktober 2022 dan 13 Jun 2018)			
	11	496,665,193 =====	471,462,754 =====
NILAI ASET BERSIH ("NAB") seunit		1.0604 =====	1.0066 =====

Dasar-dasar perakaunan serta nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (BELUM DIAUDIT)
BAGI TEMPOH SETENGAH TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Modal Pemegang- Pemegang Unit (Nota 11(a)) RM	(Kerugian)/Keuntungan Terkumpul		Jumlah Ekuiti RM
		Ternyata (Nota 11(b)) RM	Tidak Ternyata (Nota 11(c)) RM	
Pada 1 Julai 2022	110,530,911	(89,865,434)	(15,914,623)	4,750,854
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	(10,997,694)	12,048,277	1,050,583
Jumlah diterima daripada penjadian unit	465,661,318	-	-	465,661,318
Jumlah dibayar untuk pembatalan unit	(1)	-	-	(1)
Pada 31 Disember 2022	576,192,228 =====	(100,863,128) =====	(3,866,346) =====	471,462,754 =====
Pada 1 Julai 2023	576,192,228	(84,829,599)	4,792,877	496,155,506
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	13,286,037	(1,067,499)	12,218,538
Jumlah diterima daripada penjadian unit	-	-	-	-
Jumlah dibayar untuk pembatalan unit	-	-	-	-
Pengagihan (Nota 10)	-	(11,708,851)	-	(11,708,851)
Pada 31 Disember 2023	576,192,228 =====	(83,252,413) =====	3,725,378 =====	496,665,193 =====

Dasar-dasar perakaunan serta nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI (BELUM DIAUDIT)
BAGI TEMPOH SETENGAH TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN			
Perolehan daripada penjualan pelaburan		142,446,150	4,136,405
Pembelian pelaburan		(202,776,456)	(66,606,424)
Pendapatan dividen diterima		1,829,408	214,904
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan dan sekuriti berpendapatan tetap diterima		8,363,977	1,630,644
Pembayaran yuran Syarikat Pengurusan		(1,875,402)	(6,577,577)
Pembayaran yuran Pemegang Amanah		(150,032)	(140,734)
Pembayaran ganjaran juruaudit		-	-
Lain-lain perbelanjaan pentadbiran		(318,182)	(246,821)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi dan pelaburan		(52,480,537)	(67,589,603)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Tunai diterima untuk penjadian unit		-	469,061,318
Tunai dibayar untuk pembatalan unit		-	(1)
Tunai bersih dihasilkan dalam aktiviti pembiayaan		-	469,061,317
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		(52,480,537)	401,471,714
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		100,909,241	26,349,110
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		48,428,704	427,820,824
		=====	=====
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:			
Tunai di bank		939,106	11,955
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	9	47,489,598	427,808,869
		48,428,704	427,820,824
		=====	=====

Dasar-dasar perakaunan serta nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

1. UNIT AMANAH, SYARIKAT PENGURUSAN DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM SARAWAK ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 20 Ogos 1993 diikuti dengan Surat Ikatan Tambahan bertarikh 20 Disember 1993, 25 Ogos 1994, 21 Februari 1995, 17 Ogos 1995, 29 Januari 1996, 7 Mei 1996, 23 Jun 1999, 21 Disember 2000, 19 Jun 2007, 15 Januari 2008, 16 Jun 2008, 14 Mei 2014, Surat Ikatan Dinyatakan Semula bertarikh 13 Jun 2018 dan 14 Oktober 2022, masing-masing di antara Syarikat Pengurusan, Amanah Saham Sarawak Berhad ("ASSB"), Pemegang Amanah terdahulu, HSBC (Malaysia) Trustee Berhad dan Pemegang Amanah terkini, AmanahRaya Trustees Berhad serta Pemegang-Pemegang Unit berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang ditakrifkan di bawah Bahagian 7 Surat Ikatan Dinyatakan Semula Kedua bertarikh 14 Oktober 2022. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan dalam sekuriti yang boleh dipindah milik, instrumen pasaran wang, deposit, derivatif untuk tujuan perlindungan nilai sahaja, derivatif terbenam untuk tujuan perlindungan nilai sahaja, saham dalam Amanah Pelaburan Hartanah (REITs), atau mana-mana pelaburan yang disyorkan oleh Syarikat Pengurusan dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 25 Ogos 1993, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukan di bawah Bahagian 12 Surat Ikatan Dinyatakan Semula Kedua bertarikh 14 Oktober 2022.

ASSB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan ASSAR Sdn. Bhd ("PASB"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan negeri Sarawak melalui Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Kegiatan utama ASSB ialah pengurusan unit amanah.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASSB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 27 Februari 2024.

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**2.1 Asas penyediaan**

Penyata kewangan Unit Amanah bagi tempoh setengah tahun berakhir 31 Disember 2023 telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") serta Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan piawaian kos sejarah, kecuali yang dinyatakan di dalam polisi perakaunan berikut dan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan telah disemak semula, yang telah berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2022 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**2.3 Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa**

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh MASB tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini tidak mempunyai kesan signifikan terhadap penyata kewangan Unit Amanah semasa pelaksanaan awal.

2.4 Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen. Aset dan liabiliti kewangan pada mulanya dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan pada FVTPL diiktiraf dengan serta-merta dalam untung atau rugi.

2.5 Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan tarikh jualbeli. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosot nilai (kecuali instrumen yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL") pada permulaan pengiktirafan):

- aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual; dan
- terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan keuntungan semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas dikelaskan sebagai aset kewangan pada FVTPL atau pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI").

Instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**2.5 Aset-aset kewangan (samb.)****(ii) Kos dilunaskan dan kaedah kadar faedah efektif**

Kaedah kadar keuntungan berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan bagi satu-satu instrumen hutang dan bagi memperuntukkan pendapatan keuntungan bagi satu-satu tempoh. Kadar keuntungan berkesan adalah kadar yang mengambilkira anggaran terimaan tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan (termasuk yuran yang dibayar atau diterima yang merupakan sebahagian dari kadar keuntungan berkesan tersebut, kos transaksi dan lain-lain premium atau diskaun) di sepanjang tempoh hayat instrumen hutang tersebut, atau, bagi jangka masa pendek, pada nilai bersih yang dibawa pada permulaan pengiktirafan.

Pendapatan diiktiraf atas asas kadar faedah efektif bagi instrumen hutang yang dikira pada kos dilunaskan.

Aset pada kos dilunaskan terdiri daripada lain-lain penghutang, deposit dengan institusi kewangan berlesen dan tunai di bank.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi ("FVTPL")

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menetapkan pelaburan tersebut bukan untuk dijualbeli dan di permulaan pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang yang tidak menepati kriteria kos dilunaskan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.5(i), akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati kriteria kos dilunaskan tetapi telah ditetapkan sebagai FVTPL sekiranya penetapan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau pengiktirafan aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan kriteria kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditetapkan sebagai FVTPL pada permulaan ia diiktiraf, adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan pada FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam untung atau rugi.

Pendapatan keuntungan atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan secara berasingan di dalam untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTPL dikira dalam untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15: *Revenue from contract with customers* dan dinyatakan secara berasingan dalam untung atau rugi.

Aset kewangan pada FVTPL adalah terdiri daripada sekuriti ekuiti disebut harga dalam Bursa Malaysia.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**2.5 Aset-aset kewangan (samb.)****(iv) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI")**

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menetapkan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penetapan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jual beli.

Aset kewangan dikira untuk jual beli sekiranya:

- ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untuk jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditetapkan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi semasa pelupusan pelaburan tersebut.

Instrumen hutang yang mempunyai objektif untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual dan untuk penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Unit Amanah tidak mempunyai aset kewangan yang ditetapkan sebagai FVTOCI.

(v) Rosot nilai dalam aset kewangan

Unit Amanah mengiktiraf peruntukan rosot nilai untuk Expected Credit Loss ("ECL") bagi instrumen-instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL. ECL adalah berdasarkan perbezaan di antara aliran tunai secara kontraktual dan aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh Unit Amanah, didiskaunkan menggunakan anggaran kadar faedah efektif asal.

Unit Amanah menggunakan pendekatan ringkas untuk mengira ECL bagi semua aset kewangan pada kos dilunaskan. Unit Amanah tidak menjejak perubahan dalam risiko kredit tetapi mengiktiraf elau kerugian berdasarkan ECL dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. Unit Amanah mempertimbangkan pengalaman lampau untuk menganggarkan kerugian rosot nilai dijangka. Metodologi dan andaian yang digunakan disemak secara berkala.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**2.5 Aset-aset kewangan (samb.)****(vi) Penyahiktirafan aset kewangan**

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambil kira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata terkumpul dipindahkan ke untung atau rugi semasa pelupusan.

2.6 Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti**(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti**

Instrumen hutang dan ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau sebagai ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos transaksi secara langsung dan seterusnya diiktiraf pada kos dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar dan akan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam untung atau rugi.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**2.6 Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti (samb.)****(iv) Modal pemegang unit**

Sumbangan modal oleh pemegang-pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Financial Instruments: Presentation.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

2.7 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf setakat mana manfaat ekonomi dijangka mengalir kepada Unit Amanah dan pendapatan tersebut boleh diukur dengan pasti. Pendapatan diukur berdasarkan nilai saksama pendapatan yang diterima atau akan terima.

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan skim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak Unit Amanah untuk menerima bayaran tersebut telah dipastikan.

Pendapatan faedah daripada instrumen pasaran kewangan dan simpanan dengan institusi kewangan berlesen dikira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Pengiraan ini termasuk pelunasan premium atau akreasi diskaun yang dikenakan ke atas sekuriti pendapatan tetap.

2.8 Pengiktirafan keuntungan dan kerugian direalisasi dan tidak direalisasi

Keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi terdiri daripada perubahan nilai saksama dalam aset kewangan bagi tempoh kewangan dan juga daripada pembalikan keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi di dalam tempoh sebelumnya tetapi telah direalisasi (iaitu dijual, ditebus atau telah matang) dalam tempoh pelaporan tersebut.

Keuntungan dan kerugian yang direalisasi daripada pelupusan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada 'nilai saksama menerusi untung atau rugi' dikira menggunakan kaedah purata berwajaran. Ianya mencerminkan perbezaan di antara amaun bawaan permulaan instrumen kewangan dan amaun pelupusan.

2.9 Pengagihan

Pengagihan adalah berdasarkan budi bicara Unit Amanah. Pengagihan kepada pemegang-pemegang Unit Amanah akan ditolak daripada rizab yang direalisasi kecuali bagi pengagihan yang diagihkan daripada pengimbangan pengagihan, maka pengagihan tersebut akan ditolak daripada modal pemegang-pemegang unit. Cadangan pengagihan akan diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh kewangan di mana ianya diluluskan.

2.10 Tunai dan persamaan tunai

Dalam penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai adalah termasuk tunai di bank dan deposit jangka pendek dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang dengan institusi kewangan berlesen yang tidak membawa risiko yang ketara kepada perubahan nilai.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**2.11 Cukai pendapatan**

Cukai aset dan liabiliti tahun semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar kepada atau dituntut semula daripada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya akan digubal pada tarikh pelaporan.

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali sehingga tahap di mana ianya berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan sementara yang ketara.

2.12 Pelaporan berseghmen

Untuk tujuan pengurusan, Unit Amanah ditadbir oleh tiga portfolio utama, iaitu (1) sekuriti ekuiti dan skim pelaburan kolektif dan (2) portfolio sekuriti pendapatan tetap termasuk sekuriti hutang dan (3) portfolio deposit dengan instrumen institusi-institusi kewangan. Setiap portfolio terlibat dalam aktiviti perniagaan berasingan dan hasil operasi sering dipantau oleh Pengurus Pelaburan dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Pelaburan memainkan peranan sebagai ketua operasi yang membuat keputusan, untuk tujuan penilaian prestasi dan untuk membuat keputusan tentang sumber yang diperuntukan untuk setiap segmen pelaburan.

2.13 Pengukuran nilai saksama

Unit Amanah mengukur instrumen kewangan pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk penjualan aset atau dibayar untuk pemindahan liabiliti melalui transaksi dipersetujui antara peserta-peserta pasaran pada tarikh ukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan anggapan yang transaksi untuk penjualan aset atau pemindahan liabiliti mengambil tempat sama ada:

- di pasaran utama untuk aset atau liabiliti tersebut; atau
- di mana tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling bermanfaat untuk aset atau liabiliti tersebut.

Pasaran utama atau pasaran yang paling bermanfaat mesti boleh diakses oleh Unit Amanah. Nilai saksama untuk sesuatu aset atau liabiliti diukur dengan andaian yang akan digunakan oleh peserta-peserta pasaran semasa menentukan harga aset atau liabiliti tersebut dengan andaian bahawa peserta-peserta pasaran bertindak dalam kepentingan ekonomi sendiri.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian bagi situasi tersebut dan di mana data yang mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, menambahkan penggunaan input boleh diperhatikan dan mengurangkan penggunaan input tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama telah diukur atau didedahkan dalam laporan penyata kewangan akan dikategorikan di dalam hierarki nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input peringkat terendah yang signifikan bagi keseluruhan ukuran nilai saksama:

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.13 Pengukuran nilai saksama (samb.)

- Tahap 1 - Harga yang disebutharga (tidak terlaras) di pasaran aktif untuk aset-aset atau liabiliti-liabiliti yang serupa.
- Tahap 2 - Teknik penilaian di mana input peringkat terendah yang signifikan bagi ukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak.
- Tahap 3 - Teknik penilaian di mana input peringkat terendah yang signifikan bagi ukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktirafkan dalam penyata kewangan pada asas berulung, Unit Amanah menentukan sama ada pemindahan telah berlaku diantara peringkat di dalam hierarki dengan menilai semula kategori (berdasarkan input peringkat terendah yang signifikan bagi keseluruhan ukuran nilai saksama) pada permulaan setiap tarikh penyata kewangan.

Bagi tujuan pendedahan nilai saksama, Unit Amanah menentukan kelas-kelas aset dan liabiliti berdasarkan jenis, ciri-ciri dan risiko aset atau liabiliti dan juga peringkat hierarki nilai saksama seperti yang dinyatakan di atas.

3. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Syarikat Pengurusan untuk membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan. Namun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran boleh mengakibatkan penyelarasan yang material terhadap nilai bawaan aset dan liabiliti pada masa hadapan.

Syarikat Pengurusan tidak membuat penilaian utama dalam melaksanakan dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tidak ada andaian utama berkenaan masa depan mahupun ketidakpastian anggaran sumber utama lain pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko tinggi hingga menyebabkan pelarasan material terhadap nilai bawaan aset dan liabiliti dalam tahun hadapan.

4. YURAN SYARIKAT PENGURUSAN

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Yuran Syarikat Pengurusan	1,891,738 =====	2,859,780 =====

Klausa 13.1.3 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Syarikat Pengurusan berhak menerima yuran tidak melebihi 1.50% setahun atas Nilai Aset Bersih ("NAB"), dikira dan diakru secara harian.

Kadar yuran pengurusan yang dikenakan pada tahun-tahun terdahulu sehingga 21 Oktober 2022 adalah sebanyak 1.50% setahun atas NAB Unit Amanah, dikira secara harian. Berkuat kuasa mulai 22 Oktober 2022, kadar yuran pengurusan telah dikurangkan daripada kadar maksimum yang dibenarkan sebanyak 1.50% kepada 0.75% setahun.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023**5. YURAN PEMEGANG AMANAH**

	31.12.2023	31.12.2022
	RM	RM
Yuran Pemegang Amanah	151,339	141,784
	=====	=====

Klausa 13.2.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Syarikat Pengurusan dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh setengah tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah 0.06% (2022: 0.06%) setahun atas NAB Unit Amanah, dikira secara harian.

6. CUKAI

	31.12.2023	31.12.2022
	RM	RM
Cukai tahun semasa	-	-
Kekurangan peruntukan cukai bagi tahun lepas	-	-
	=====	=====
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun semasa	-	-
	=====	=====

Cukai pendapatan dikira pada kadar cukai berkanun di Malaysia sebanyak 24% (2022: 24%) daripada anggaran pendapatan boleh taksir untuk tahun semasa.

Caj cukai Malaysia bagi tahun semasa merupakan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan dividen dan pendapatan faedah yang tidak dikecualikan dari cukai pendapatan, selepas ditolak perbelanjaan yang dibenarkan. Pendapatan faedah tertentu dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Para 35 dan 35A, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Penyesuaian di antara belanja cukai ke atas keuntungan/(kerugian) bersih sebelum cukai pada kadar cukai berkanun dan belanja cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	31.12.2023	31.12.2022
	RM	RM
Keuntungan bersih sebelum cukai	12,218,538	1,050,583
	=====	=====
Caj cukai pada kadar berkanun Malaysia (2023: 24%) (Keuntungan)/kerugian direalisasi yang tidak dikenakan cukai	2,932,449	252,140
	(1,265,766)	2,564,246
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(2,219,791)	(3,595,998)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan percukaian	553,108	779,612
	=====	=====
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun semasa	-	-
	=====	=====

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023**7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL)**

		31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Pada kos:			
Pelaburan disebut harga	(a)	111,585,451	68,306,670
Saham biasa		99,265,438	62,749,700
REITs		12,320,013	5,556,970
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(b)	340,702,065	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan		34,572,015	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia		19,905,000	-
Nota Jangka Sederhana		64,994,000	-
Nota Jangka Sederhana Islam		185,753,050	-
Nota Jangka Panjang Islam		35,478,000	-
		452,287,516	68,306,670
		=====	=====
		31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Pada nilai saksama:			
Pelaburan disebut harga	(a)	109,405,589	64,440,325
Saham biasa		97,089,675	58,905,125
REITs		12,315,914	5,535,200
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(b)	346,607,305	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan		34,717,025	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia		19,960,300	-
Nota Jangka Sederhana		66,193,550	-
Nota Jangka Sederhana Islam		190,199,230	-
Nota Jangka Panjang Islam		35,537,200	-
		456,012,894	64,440,325
		=====	=====

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Keuntungan bersih aset kewangan pada FVTPL terdiri daripada:		
Keuntungan/(kerugian) direalisasi daripada jualan (Kerugian)/keuntungan tidak direalisasi dalam nilai saksama (Nota 11(c))	5,274,026 (1,067,499)	(10,684,360) 12,048,277
	<u>4,206,527</u> =====	<u>1,363,917</u> =====

(a) Pelaburan disebut harga

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Nama kaunter	Kuantiti Unit	Kos RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
SAHAM BIASA				
Papan Utama				
Barangan & perkhidmatan pengguna				
Hong Leong Industries Berhad	167,000	1,511,455	1,538,070	0.31
Sime Darby Berhad	977,500	2,361,054	2,297,125	0.46
	<u>1,144,500</u>	<u>3,872,509</u>	<u>3,835,195</u>	<u>0.77</u>
Pengangkutan & logistik				
Misc Berhad	651,900	4,692,115	4,752,351	0.96
Malaysia Airports Holding Berhad	487,600	3,415,477	3,588,736	0.72
	<u>1,139,500</u>	<u>8,107,592</u>	<u>8,341,087</u>	<u>1.68</u>

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)**(a) Pelaburan disebut harga (samb.)**

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

Nama kaunter	Kuantiti Unit	Kos RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
SAHAM BIASA (SAMB.)				
Papan Utama (samb.)				
Penjagaan kesihatan				
KPJ Healthcare Berhad	2,309,600	2,448,176	3,325,824	0.67
Perkhidmatan kewangan				
Malayan Banking Berhad	1,600,400	14,550,557	14,227,556	2.86
Public Bank Berhad	2,350,300	10,348,813	10,082,787	2.03
	3,950,700	24,899,370	24,310,343	4.89
Perladangan				
Kuala Lumpur Kepong Berhad	342,800	7,659,473	7,479,896	1.51
Teknologi				
CTOS Digital Berhad	2,300,200	3,299,867	3,243,282	0.65
Frontken Corporation Berhad	865,400	2,371,196	2,803,896	0.56
Inari Amertron Berhad	907,600	2,534,382	2,731,876	0.55
Malaysian Pacific Industries Berhad	110,900	3,152,273	3,127,380	0.63
	4,184,100	11,357,718	11,906,434	2.39
Telekomunikasi & media				
Time Dotcom Berhad	1,886,600	9,934,770	10,187,640	2.05
Axiata Group Berhad	1,092,500	2,617,147	2,600,150	0.52
	2,979,100	12,551,917	12,787,790	2.57

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)

(a) Pelaburan disebut harga (samb.)

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

Nama kaunter	Kuantiti Unit	Kos RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
SAHAM BIASA (SAMB.)				
Papan Utama (samb.)				
Hartanah				
Ewein Berhad	929,900	1,281,279	1,125,179	0.23
Tenaga				
Dialog Group Berhad	1,283,400	2,945,438	2,656,638	0.53
Utiliti				
Tenaga Nasional Berhad	1,001,300	9,193,055	10,053,052	2.02
YTL Corporation Berhad	1,282,000	2,012,608	2,422,980	0.49
Petronas Gas Berhad	290,600	4,986,471	5,056,440	1.02
	2,573,900	16,192,134	17,532,472	3.53
Pasaran ACE				
Teknologi				
Oppstar Berhad	1,890,700	1,191,141	2,476,817	0.50
TT Visions Holdings Berhad	1,600,000	1,920,000	1,312,000	0.26
	3,490,700	3,111,141	3,788,817	0.76

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)

(a) Pelaburan disebut harga (samb.)

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

Nama kaunter	Kuantiti Unit	Kos RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
SAHAM BIASA (SAMB.)				
Sudah tidak disenaraikan				
Perisai Petroleum Teknologi Berhad *	800,000	1,234,790	-	-
Sumatec Resources Berhad *	900,000	972,000	-	-
Scomi Group Berhad *	779,000	2,631,901	-	-
	<u>2,479,000</u>	<u>4,838,691</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
JUMLAH SAHAM BIASA	<u>26,807,200</u>	<u>99,265,438</u>	<u>97,089,675</u>	<u>19.53</u>
Skim Pelaburan Kolektif				
REITs				
KLCC Prop & Reits – Stapled Sec	743,500	5,030,521	5,271,415	1.06
Pavilion Real Estate Investment Trust	5,821,900	7,289,492	7,044,499	1.42
JUMLAH REITs	<u>6,565,400</u>	<u>12,320,013</u>	<u>12,315,914</u>	<u>2.48</u>
JUMLAH PELABURAN DISEBUT HARGA	<u>33,372,600</u>	<u>111,585,451</u>	<u>109,405,589</u>	<u>22.01</u>
NILAI SAKSAMA DARIPADA KOS (Nota 11(c))		(2,179,862)		
		=====		

* Perisai Petroleum Teknologi Berhad sudah tidak disenaraikan pada 22 Januari 2020, Sumatec Resources Berhad pada 24 Mac 2022 dan Scomi Group Berhad pada 31 Mac 2023. Nilai saksamanya telah disusut sehingga sifar.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)

(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
TERBITAN PELABURAN KERAJAAN				
4.130% Kerajaan Malaysia 09.07.2029	10,000,000	10,193,000	10,215,000	2.06
4.193% Kerajaan Malaysia 07.10.2032	20,000,000	20,505,000	20,550,000	4.14
4.245% Kerajaan Malaysia 30.09.2030	1,000,000	1,028,690	1,028,000	0.21
5.357% Kerajaan Malaysia 15.05.2052	2,500,000	2,845,325	2,924,025	0.59
JUMLAH TERBITAN PELABURAN KERAJAAN	33,500,000	34,572,015	34,717,025	7.00
SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA				
3.899% Kerajaan Malaysia 16.11.2027	10,000,000	10,135,000	10,118,300	2.04
3.582% Kerajaan Malaysia 15.07.2032	10,000,000	9,770,000	9,842,000	1.98
JUMLAH SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA	20,000,000	19,905,000	19,960,300	4.02

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)**(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga (samb.)**

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
NOTA JANGKA SEDERHANA				
3.150% CIMB Group Holdings Berhad 12.11.2030	5,000,000	4,856,000	4,925,800	0.99
4.970% YTL Corporation Berhad 10.04.2031	15,000,000	15,126,500	15,714,300	3.16
4.200% Hong Leong Bank Berhad 17.06.2033	5,000,000	5,000,000	5,018,100	1.01
4.590% AmBank (M) Berhad 27.06.2033	20,000,000	20,000,000	20,307,400	4.09
5.250% Eternal Icon Sendirian Berhad 28.07.2031	5,000,000	5,000,000	5,023,950	1.01
4.270% Public Bank Berhad 25.10.2033	10,000,000	10,000,000	10,113,500	2.04

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)**(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga (samb.)**

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peraturan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
NOTA JANGKA SEDERHANA (SAMB.)				
4.480% YTL Corporation Berhad 02.09.2033	5,000,000	5,011,500	5,090,500	1.02
JUMLAH NOTA JANGKA SEDERHANA	65,000,000	64,994,000	66,193,550	13.32
NOTA JANGKA Sederhana ISLAM				
4.960% PONSb Capital Berhad 28.12.2028	5,000,000	5,101,500	5,179,550	1.04
4.640% PONSb Capital Berhad 28.12.2026	10,000,000	10,063,000	10,164,300	2.05
4.650% Petroleum Sarawak Exploration & Production Sendirian Berhad 22.02.2033	5,000,000	5,020,000	5,200,600	1.05
6.060% Edra Energy Sdn Bhd 05.07.2029	10,000,000	10,713,000	10,898,900	2.19

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)**(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga (samb.)**

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
NOTA JANGKA SEDERHANA ISLAM (SAMB.)				
4.990% YTL Power International Berhad 24.03.2033	5,000,000	5,019,500	5,329,700	1.07
4.880% YTL Power International Berhad 22.03.2030	5,000,000	5,014,500	5,224,000	1.05
4.510% Pengurusan Air SPV Berhad 04.04.2031	5,000,000	5,000,000	5,150,300	1.04
3.950% Bank Pembangunan Malaysia Berhad 25.10.2028	5,000,000	4,929,000	5,013,900	1.01
4.821% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.01.2035	5,000,000	5,086,000	5,332,900	1.07
4.950% Tenaga Nasional Berhad 03.08.2032	10,000,000	10,475,000	10,673,600	2.15
4.729% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.01.2033	10,000,000	10,132,000	10,562,900	2.13

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)

(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga (samb.)

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
NOTA JANGKA SEDERHANA ISLAM (SAMB.)				
4.840% TNB Power Generation Sendirian Berhad 27.03.2043	5,000,000	5,149,000	5,386,050	1.08
3.800% Petroleum Sarawak Exploration & Production Sdn. Bhd. 17.03.2028	10,000,000	9,888,000	9,962,600	2.01
5.090% Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad 11.10.2030	10,000,000	10,578,000	10,628,900	2.14
4.773% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.01.2034	5,000,000	5,200,000	5,305,800	1.07
4.200% Gamuda Berhad 20.06.2028	1,500,000	1,500,000	1,514,640	0.30
4.310% Gamuda Berhad 20.06.2030	3,000,000	3,000,000	3,043,410	0.61
4.400% Gamuda Berhad 20.06.2033	5,000,000	5,000,000	5,069,950	1.02

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)**(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga (samb.)**

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
NOTA JANGKA SEDERHANA ISLAM (SAMB.)				
4.410% Aeon Co. (M) Berhad 05.07.2028	10,000,000	10,002,000	10,151,400	2.04
4.540% Johor Corporation 06.07.2033	2,000,000	2,000,000	2,079,240	0.42
4.800% Johor Corporation 06.07.2038	2,000,000	2,000,000	2,125,120	0.43
4.540% Petroleum Sarawak Exploration & Production Sdn. Bhd. 22.02.2030	5,000,000	5,086,500	5,139,900	1.03
4.900% Eco World Capital Berhad 10.08.2028	10,000,000	10,097,000	10,293,600	2.07
4.620% YTL Power International Berhad 24.08.2035	5,000,000	5,013,500	5,207,000	1.05
4.740% YTL Power International Berhad 24.08.2038	4,000,000	4,012,800	4,164,360	0.84

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)

(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga (samb.)

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
NOTA JANGKA SEDERHANA ISLAM (SAMB.)				
4.450% YTL Power International Berhad 24.08.2032	5,000,000	5,011,000	5,121,250	1.03
4.300% Press Metal Aluminium Holdings Berhad 18.09.2028	6,500,000	6,523,400	6,575,075	1.32
4.150% Imtiaz Sukuk II Berhad 02.10.2028	5,000,000	5,000,000	5,025,450	1.01
4.670% SMJ Energy Sendirian Berhad 26.10.2038	5,000,000	5,000,500	5,273,350	1.06
4.430% SMJ Energy Sendirian Berhad 25.10.2030	3,500,000	3,500,350	3,602,235	0.73
5.750% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.01.2037	5,000,000	5,637,500	5,799,250	1.17
JUMLAH NOTA JANGKA SEDERHANA ISLAM	182,500,000	185,753,050	190,199,230	38.28

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL) (SAMB.)**(b) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga (samb.)**

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut: (samb.)

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai saksama/ nilai pasaran RM	Nilai saksama sebagai peratusan atas Nilai Aset Bersih ("NAB") (%)
NOTA JANGKA PANJANG ISLAM				
3.950% TG Excellence Berhad 27.02.2120	20,000,000	19,659,500	19,737,400	3.97
5.750% Malaysia Airport Holdings Berhad 14.12.2114	5,000,000	5,077,000	5,064,500	1.02
6.350% UMW Holdings Berhad 20.04.2118	10,000,000	10,741,500	10,735,300	2.16
JUMLAH NOTA JANGKA PANJANG ISLAM	35,000,000	35,478,000	35,537,200	7.15
JUMLAH PELABURAN BERPENDAPATAN TETAP DAN SEKURITI HUTANG TIDAK DISEBUT HARGA	336,000,000	340,702,065	346,607,305	69.77
NILAI SAKSAMA DARIPADA KOS (Nota 11(c))		5,905,240 =====		

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023**8. PENDAPATAN BELUM DITERIMA**

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan dan sekuriti berpendapatan tetap belum diterima	4,260,038	1,088,887
Pendapatan dividen belum diterima	19,967	-
	<u>4,280,005</u>	<u>1,088,887</u>
	=====	=====

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Ini adalah deposit dan simpanan jangka pendek dengan:		
Bank-bank komersial	33,769,518	399,908,882
Bank-bank pelaburan	13,720,080	27,899,987
	<u>47,489,598</u>	<u>427,808,869</u>
	=====	=====

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi deposit dengan institusi kewangan berlesen pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	PWKFE (% p.a.)		Purata kematangan (Hari)	
	31.12.2023	31.12.2022	31.12.2023	31.12.2022
Bank-bank komersial	3.62	4.23	249	97
Bank-bank pelaburan	3.05	2.80	4	4
	=====	=====	=====	=====

10. PENGAGIHAN

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Peruntukan pengagihan interim	11,708,851	-
	=====	=====

Peruntukan pengagihan interim di atas merupakan pengagihan yang disyorkan bagi tempoh enam bulan pertama tahun kewangan semasa. Pengagihan tersebut ialah sebanyak 2.50 sen (2022: Tiada) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit berdasarkan jumlah baki pegangan unit pada 31 Disember 2023.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023**10. PENGAGIHAN (SAMB.)**

Pengagihan interim kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan dan sekuriti berpendapatan tetap	8,579,003	-
Pendapatan dividen	1,737,626	-
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	5,274,026	-
	<u>15,590,655</u>	<u>-</u>
Tolak: Perbelanjaan	(2,304,618)	-
Tolak: Cukai	-	-
	<u>13,286,037</u>	<u>-</u>
Jumlah pengagihan interim	(11,708,851)	-
	<u>1,577,186</u>	<u>-</u>
	=====	=====
Unit dalam edaran	468,354,021	468,354,021
Pengagihan kasar seunit	2.50 sen	-
Pengagihan bersih seunit	2.50 sen	-
Tarikh pengagihan	31 Disember 2023	-
	=====	=====

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

11. NILAI ASET BERSIH (SEPERTI YANG DITAKRIFKAN DALAM SURAT IKATAN DINYATAKAN SEMULA BERTARIKH 14 OKTOBER 2022 DAN 13 JUN 2018)

Komponen-komponen ekuiti pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Modal pemegang-pemegang unit (Kerugian)/keuntungan belum diagihkan	(a)	576,192,228	576,192,228
-Direalisasi	(b)	(83,252,413)	(100,863,128)
-Belum direalisasi	(c)	3,725,378	(3,866,346)
		<u>(79,527,035)</u>	<u>(104,729,474)</u>
Jumlah ekuiti boleh agihkan kepada pemegang-pemegang unit sebelum jaminan		496,665,193	471,462,754
Jumlah Jaminan	(d)	<u>-</u>	<u>-</u>
NAB selepas Jaminan (Nilai Aset Bersih)		<u>496,665,193</u> =====	<u>471,462,754</u> =====

(a) MODAL PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

	31.12.2023 Unit	31.12.2022 Unit
Unit dibenarkan	750,000,000 =====	750,000,000 =====
Unit dalam edaran	468,354,021	468,354,021
Unit yang belum diterbitkan	281,645,979	281,645,979
	<u>750,000,000</u> =====	<u>750,000,000</u> =====

Nota-nota berkenaan Penyata (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

11. NILAI ASET BERSIH (SEPERTI YANG DITAKRIFKAN DALAM SURAT IKATAN DINYATAKAN SEMULA BERTARIKH 14 OKTOBER 2022 DAN 13 JUN 2018) (SAMB.)

(a) MODAL PEMEGANG-PEMEGANG UNIT (SAMB.)

	31.12.2023 Unit	31.12.2022 Unit
Jumlah unit:		
UNIT DALAM EDARAN PADA AWAL TAHUN	468,354,021	468,354,021
Penjadian unit untuk:		
Jualan Kelas A*	-	-
Jualan Kelas B#	-	465,661,318
Tolak:		
Pembatalan unit Kelas B	-	(465,661,318)
	-	-
UNIT DALAM EDARAN PADA AKHIR TAHUN	468,354,021 =====	468,354,021 =====
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:		
MODAL PEMEGANG-PEMEGANG UNIT PADA AWAL TAHUN	576,192,228	110,530,911
Penjadian unit untuk:		
Jualan Kelas A	-	-
Jualan Kelas B	-	465,661,318
Tolak:		
Pembatalan unit Kelas B	-	(1)
Pengimbangan pengagihan	-	-
	-	465,661,317
MODAL PEMEGANG-PEMEGANG UNIT PADA AKHIR TAHUN	576,192,228 =====	576,192,228 =====

*Unit Kelas A – Diterbit bagi tujuan penjualan kepada pelabur Unit Amanah.

#Unit Kelas B – Diterbit khas bagi tujuan perstruktur Unit Amanah.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023**11. NILAI ASET BERSIH (SEPERTI YANG DITAKRIFKAN DALAM SURAT IKATAN DINYATAKAN SEMULA BERTARIKH 14 OKTOBER 2022 DAN 13 JUN 2018) (SAMB.)****(b) (KERUGIAN)/KEUNTUNGAN BELUM DIAGIHKAN - DIREALISASI**

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Pada awal tahun	(84,829,599)	(89,865,434)
Keuntungan/(kerugian) bersih selepas cukai direalisasi	13,286,037	(10,997,694)
Pengagihan tahun semasa	(11,708,851)	-
Pada 31 Disember	(83,252,413)	(100,863,128)
	=====	=====

(c) KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BELUM DIAGIHKAN - BELUM DIREALISASI

Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Pada awal tahun	4,792,877	(15,914,623)
(Penurunan)/peningkatan bersih nilai saksama/pasaran	(1,067,499)	12,048,277
- Pelaburan disebut harga	(5,343,339)	12,048,277
- Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	4,275,840	-
Pada 31 Disember	7(a)(b) 3,725,378	(3,866,346)
	=====	=====

Rizab pelaburan belum direalisasi mewakili keuntungan atau kerugian hasil daripada penilaian pelaburan berdasarkan harga pasaran terakhir pada 31 Disember.

(d) JAMINAN ATAS NILAI ASET BERSIH/HARGA MINIMA BELIAN BALIK

Menurut Surat Ikatan Dinyatakan Semula bertarikh 13 Jun 2018 dan 14 Oktober 2022, sepanjang tempoh Jaminan, Nilai Aset Bersih ("NAB") ditentukan sebagai nilai Unit Amanah ditambah Jumlah Jaminan. Jumlah Jaminan ialah jumlah yang perlu ditambah kepada nilai Unit Amanah untuk mengekalkan harga seunit supaya tidak kurang daripada RM1.00. Sekiranya jumlah tersebut tidak diperlukan, maka Jumlah Jaminan akan mempunyai nilai sifar.

Surat Jaminan berkenaan, bertarikh 11 Februari 1999, telah dikeluarkan oleh Permodalan ASSAR Sdn. Bhd. ("PASB") dan sebagai jaminan tambahan ke atas pelaksanaan obligasinya di bawah Jaminan ini, PASB telah menandatangani perjanjian dengan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak di mana PASB mempunyai hak untuk meminta Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak ("SFS") supaya membeli aset-aset tertentu yang dinyatakan dalam perjanjian tersebut agar PASB boleh melaksanakan obligasinya selaras dengan terma-terma Surat Jaminan.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

11. NILAI ASET BERSIH (SEPERTI YANG DITAKRIFKAN DALAM SURAT IKATAN DINYATAKAN SEMULA BERTARIKH 14 OKTOBER 2022 DAN 13 JUN 2018) (SAMB.)
(d) JAMINAN ATAS NILAI ASET BERSIH HARGA MINIMA BELIAN BALIK (SAMB.)

Jaminan tersebut berkuatkuasa mulai 23 Jun 1999. Tempoh Jaminan merangkumi tempoh empat puluh lapan bulan dari Surat Jaminan yang bertarikh 11 Februari 1999 dan jika disahkan perlu oleh Pemegang Amanah, boleh dilanjutkan untuk tempoh dua puluh empat bulan selepasnya. Sejak 11 Februari 2003, Jaminan tersebut telah diperbaharui setiap tahun. Berdasarkan Surat Jaminan baru bertarikh 9 Ogos 2005 yang dikeluarkan oleh PASB, dan lanjutan tempoh yang diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti, tempoh Jaminan telah dilanjutkan sehingga 10 Februari 2008. Berkuatkuasa mulai 15 Januari 2008, Jaminan tersebut telah dijadikan sebagai ciri kekal Unit Amanah sehingga Pemegang Amanah mengemukakan discaj dan pembebasan kesemua kewajipan PASB di bawah Jaminan atau dibatalkan oleh PASB dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu selaras dengan terma-terma Jaminan.

Pada 28 September 2022, PASB telah memeterai Perjanjian Penstrukturan Tiga Pihak ("TRA") dengan SFS dan Pemegang Amanah bagi tujuan mengukuhkan kembali Unit Amanah serta menyusun semula perjanjian kewangan yang menyokong Unit Amanah demi kemampunan jangka panjang dan kemandirian kewangan Unit Amanah. Untuk merealisasikan tujuan ini, PASB telah, terlebih dahulu, melaksanakan obligasinya di bawah jaminan lama dengan membuat pembayaran dana kepada Pemegang Amanah untuk mengembalikan NAB Unit Amanah kepada RM1.00 setiap unit.

Pada 21 Oktober 2022, PASB memasuki Surat Jaminan baharu dengan Pemegang Amanah di mana PASB telah berjanji dan berikrar kepada Pemegang Amanah bahawa PASB akan mengekalkan aset bersih yang mencukupi ("Rizab Backstop") untuk memenuhi tanggungjawab di bawah Jaminan baharu tersebut.

Kriteria Rizab Backstop yang perlu dipenuhi oleh PASB sepanjang tempoh Jaminan adalah seperti berikut:

- (i) Nilai buku agregat Rizab Backstop pada bila-bila masa tidak boleh kurang daripada 20% NAB minima Unit Amanah iaitu jumlah yang membolehkan penyokongan harga minima RM1.00 seunit;
- (ii) Sekurang-kurangnya 10% daripada Rizab Backstop hendaklah terdiri daripada aset tunai dan setara tunai serta/atau unit dalam Unit Amanah yang dipegang oleh PASB; dan
- (iii) Aset yang membentuk sebahagian dari Rizab Backstop tidak tertakluk kepada sebarang cagaran atau bebanan lain bagi pihak ketiga.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

12. PEGANGAN UNIT OLEH PIHAK BERKAITAN

	← 31.12.2023 →		← 31.12.2022 →	
	Jumlah Unit	Dinilai pada NAB RM	Jumlah Unit	Dinilai pada NAB RM
Syarikat Pengurusan	5,106,169	5,414,582	3,252,907	3,274,376
Pengarah-pengarah Syarikat Pengurusan:				
- YBhg. Datu Haji Soedirman Bin Haji Aini	1,345	1,426	1,345	1,354
- YBhg. Datu Hasmawati Binti Sapawi	470	498	470	473
	=====	=====	=====	=====
Syarikat induk Syarikat Pengurusan:				
- Permodalan ASSAR Sdn. Bhd. ("PASB")	46,050,783	48,832,250	45,050,783	46,354,718
	=====	=====	=====	=====
Syarikat berkaitan dengan Syarikat Pengurusan:				
- ASSAR Asset Management Sdn. Bhd.	2,561,016	2,715,701	2,561,016	2,577,919
- ASSAR Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	225,263	238,869	225,263	226,750
- ASSAR Quarry Products Sdn. Bhd.	150,000	159,060	150,000	150,990
- ASSAR Plantations Holding Sdn. Bhd.	9,700,000	10,285,880	9,700,000	9,764,020
- ASSAR Development Sdn. Bhd.	3,400,000	3,605,360	3,400,000	3,422,440
	=====	=====	=====	=====

Bilangan unit yang dipegang oleh Syarikat Pengurusan pada 31 Disember 2023 adalah sebanyak 5,106,169 (2022: 3,252,907) unit. Unit-unit dipegang oleh Syarikat Pengurusan adalah secara sah dan mutlak.

Pihak-pihak berkaitan adalah pemilik-pemilik benefisiari yang sah.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

13. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/BANK PELABURAN

Urusniaga dengan sepuluh syarikat broker saham/bank pelaburan teratas mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga RM	Pecahan Jumlah Urus Niaga (%)	Yuran Broker RM	Pecahan Jumlah Yuran Broker (%)
Public Investment Bank Berhad	38,923,015	12.14	72,308	23.74
Affin Hwang Investment Bank Berhad	34,981,560	10.91	67,812	22.26
RHB Investment Bank Berhad	30,861,690	9.63	25,929	8.51
Malayan Banking Berhad	30,653,800	9.56	-	-
CIMB Bank Berhad	30,499,500	9.51	-	-
Ambank (M) Berhad	25,026,250	7.81	-	-
Maybank Investment Bank Berhad	25,017,764	7.80	36,827	12.09
Bank Islam Malaysia Berhad	17,602,100	5.49	-	-
Citibank Berhad	14,503,600	4.52	-	-
Hong Leong Investment Bank Berhad	12,757,358	3.98	19,393	6.37
Lain-lain	59,745,977	18.65	82,314	27.03
	<u>320,572,614</u>	<u>100.00</u>	<u>304,583</u>	<u>100.00</u>
	=====	=====	=====	=====

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker telah dilaksanakan dengan tulus, menurut amalan biasa berdasarkan syarat-syarat dalam industri pembrokeran.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

14. NISBAH JUMLAH PERBELANJAAN

	31.12.2023 %	31.12.2022 %
Nisbah Jumlah Perbelanjaan ("NJP")	0.46 =====	0.69 =====

NJP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah yuran dan perbelanjaan, dengan purata NAB Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Yuran dan perbelanjaan termasuk yuran Syarikat Pengurusan, yuran Pemegang Amanah, ganjaran juruaudit, ganjaran ejen cukai, perbelanjaan pentadbiran serta kos transaksi lain. Untuk tempoh setengah tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023, NJP Unit Amanah telah dikira seperti berikut:

	RM
A = Yuran Syarikat Pengurusan	1,891,738
B = Yuran Pemegang Amanah	151,339
C = Ganjaran juruaudit dan peruntukan terkurang pada tahun sebelumnya	2,000
D = Ganjaran ejen cukai dan peruntukan terkurang pada tahun sebelumnya	-
E = Perbelanjaan pentadbiran	57,622
F = Kos transaksi lain	201,919
G = Perbelanjaan yang dituntut/dikenakan ke atas Unit Amanah	-
H = Purata NAB Unit Amanah	500,339,793

$$\text{NJP} = \frac{(A + B + C + D + E + F) + G}{H} \times 100$$

$$= \frac{\text{RM2,304,618}}{\text{RM500,339,793}} \times 100$$

$$= 0.46\% \\ \text{=====}$$

Purata NAB Unit Amanah (seperti yang ditakrifkan dalam Surat Ikatan Dinyatakan Semula bertarikh 14 Oktober 2022 dan 13 Jun 2018) bagi tempoh setengah tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023 ialah RM500,339,793 (2022: RM468,756,428).

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

15. NISBAH PUSING GANTI PORTFOLIO

	31.12.2023	31.12.2022
Nisbah Pusing Ganti Portfolio ("NPGP")	0.33 kali =====	0.08 kali =====

NPGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata NAB Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpanduan asas harian. Untuk tempoh setengah tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023, NPGP Unit Amanah telah dikira seperti berikut:

		RM
Jumlah pembelian pelaburan Unit Amanah		182,776,456
Jumlah penjualan pelaburan Unit Amanah		142,446,151
NPGP	=	(Jumlah pembelian pelaburan + Jumlah penjualan pelaburan)/2
		<u>Purata NAB Unit Amanah</u>
	=	RM325,222,607 /2
		<u>RM500,339,793</u>
	=	0.33 kali =====

Purata NAB Unit Amanah (seperti yang ditakrifkan dalam Surat Ikatan Dinyatakan Semula bertarikh 14 Oktober 2022 dan 13 Jun 2018) bagi tempoh setengah tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023 ialah RM500,339,793 (2022: RM468,756,428).

16. LAPORAN BERSEGMENT

Syarikat Pengurusan dan Jawatankuasa Pelaburan Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas peruntukan sumber-sumber yang terdapat di dalam Unit Amanah menurut strategi pelaburan keseluruhannya seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaburan Unit Amanah. Unit Amanah diuruskan dalam tiga segmen, iaitu:

- portfolio instrumen ekuiti, termasuk skim pelaburan kolektif ("Portfolio Ekuiti")
- portfolio berpendapatan tetap, termasuk sekuriti hutang ("Portfolio Sekuriti Berpendapatan Tetap")
- portfolio deposit dengan institusi-institusi kewangan ("Portfolio Lain")

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023**16. LAPORAN BERSEGMENT (SAMB.)**

Objektif pelaburan setiap segmen ialah untuk mencapai pulangan yang konsisten daripada pelaburan-pelaburan setiap segmen di samping melindungi modal dengan melabur dalam pelbagai portfolio. Tidak terdapat perubahan bagi segmen-segmen yang dilaporkan dalam tahun kewangan semasa. Maklumat segmen seberikutnya telah dibentangkan kepada Syarikat Pengurusan dan Jawatankuasa Pelaburan Unit Amanah.

	← 31 Disember 2023 →			
	Portfolio		Portfolio Lain	
	Portfolio	Sekuriti Ber-		
	Ekuiti	pendapatan	Lain	Jumlah
	RM	Tetap	RM	RM
		RM		
Pendapatan dividen	1,737,626	-	-	1,737,626
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan	-	-	985,084	985,084
Pendapatan dari sekuriti berpendapatan tetap	-	7,593,919	-	7,593,919
Keuntungan temyata daripada jualan pelaburan	5,144,236	129,790	-	5,274,026
Kerugian bersih dari pelaburan:				
- Aset kewangan pada nilai sakasama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")	(5,343,339)	4,275,840	-	(1,067,499)
Jumlah pendapatan segmen untuk tahun kewangan	1,538,523	11,999,549	985,084	14,523,156
	=====	=====	=====	=====
Aset kewangan pada FVTPL	109,405,589	346,607,305	-	456,012,894
Deposit dengan institusi kewangan	-	-	47,489,598	47,489,598
Lain-lain aset	19,967	4,246,570	13,468	4,280,005
Jumlah aset segmen	109,425,556	350,853,875	47,503,066	507,782,497
	=====	=====	=====	=====

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

16. LAPORAN BERSEGMENT (SAMB.)

	← 31 Disember 2022 →		
	Portfolio Ekuiti RM	Portfolio Lain RM	Jumlah RM
Pendapatan dividen	219,591	-	219,591
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan	-	2,715,459	2,715,459
Kerugian ternyata daripada jualan pelaburan	(10,684,360)	-	(10,684,360)
Keuntungan bersih dari pelaburan: - Aset kewangan pada nilai sakasama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")	12,048,277	-	12,048,277
Jumlah pendapatan segmen untuk tahun kewangan	1,583,508 =====	2,715,459 =====	4,298,967 =====
Aset kewangan pada FVTPL	64,440,325	-	64,440,325
Deposit dengan institusi kewangan	-	427,808,869	427,808,869
Lain-lain aset	-	2,419,890	2,419,890
Jumlah aset segmen	64,440,325 =====	430,228,759 =====	494,669,084 =====

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023**16. LAPORAN BERSEGMENT (SAMB.)**

Tidak terdapat urus niaga antara segmen operasi dalam tempoh setengah tahun kewangan yang dilaporkan.

Perbelanjaan Unit Amanah tidak dianggap sebagai sebahagian daripada prestasi mana-mana segmen operasi.

Jadual berikut menyediakan penyesuaian antara keuntungan bersih segmen yang dilaporkan dan keuntungan bersih seperti yang dilaporkan dalam penyata kewangan Unit Amanah:

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Keuntungan bersih segmen	14,523,156	4,298,967
Perbelanjaan	(2,304,618)	(3,248,384)
	<u>12,218,538</u>	<u>1,050,583</u>
Keuntungan bersih sebelum cukai	12,218,538	1,050,583
Cukai	-	-
	<u>12,218,538</u>	<u>1,050,583</u>
	=====	=====

Selain itu, aset tertentu tidak dianggap sebagai sebahagian daripada aset satu-satu segmen. Jadual berikut menyediakan penyesuaian di antara pelaporan bersih aset dan jumlah aset Unit Amanah seperti yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan.

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM
Jumlah aset segmen	507,782,497	494,652,442
Tuntutan cukai	-	4,687
Tunai di bank	939,106	11,955
	<u>508,721,603</u>	<u>494,669,084</u>
	=====	=====

17. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN**(a) Pengiktirafan instrumen kewangan**

Jadual di bawah menganalisis aset-aset kewangan dan liabiliti kewangan Unit Amanah dalam penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember, mengikut kelas-kelas instrumen kewangan yang diperuntukan dan asas pengukuran mereka.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

17. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(a) Pengiktirafan instrumen kewangan (samb.)

	Aset-aset kewangan pada FVTPL RM	Aset kewangan pada kos dilunaskan RM	Liabiliti kewangan pada kos dilunaskan RM	Jumlah RM
2023				
Aset				
Pelaburan pada FVTPL	456,012,894	-	-	456,012,894
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	-	47,489,598	-	47,489,598
Lain-lain penghutang	-	-	-	-
Tunai di bank	-	939,106	-	939,106
Pendapatan belum terima	-	4,280,005	-	4,280,005
	<u>456,012,894</u>	<u>52,708,709</u>	<u>-</u>	<u>508,721,603</u>
	=====	=====	=====	
Jumlah aset kewangan	456,012,894	52,708,709	-	508,721,603
	<u>=====</u>	<u>=====</u>	<u>=====</u>	<u>=====</u>
Jumlah aset bukan aset kewangan				-
				<u>508,721,603</u>
				=====
Liabiliti				
Amaun terhutang kepada Pemegang Amanah	-	-	25,708	25,708
Pelbagai pemiutang dan akru	-	-	9,500	9,500
Amaun terhutang kepada Syarikat Broker	-	-	-	-
Amaun terhutang kepada Syarikat Pengurusan	-	-	312,351	312,351
Peruntukan pengagihan	-	-	11,708,851	11,708,851
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>12,056,410</u>	<u>12,056,410</u>
	=====	=====	=====	=====
Jumlah liabiliti kewangan	-	-	12,056,410	12,056,410
	<u>=====</u>	<u>=====</u>	<u>=====</u>	<u>=====</u>
			Pendapatan, perbelanjaan, keuntungan dan kerugian	RM
Pendapatan dividen				1,737,626
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan dan sekuriti berpendapatan tetap				8,579,003
Keuntungan bersih di atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")				4,206,527
				<u>=====</u>

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

17. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(a) Pengiktirafan instrumen kewangan (samb.)

	Aset-aset kewangan pada FVTPL RM	Aset kewangan pada kos dilunaskan RM	Liabiliti kewangan pada kos dilunaskan RM	Jumlah RM
2022				
Aset				
Pelaburan pada FVTPL	64,440,325	-	-	64,440,325
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	-	427,808,869	-	427,808,869
Lain-lain penghutang	-	1,088,887	-	1,088,887
Jumlah terhutang daripada broker saham	-	1,314,361	-	1,314,361
Tunai di bank	-	11,955	-	11,955
Jumlah aset kewangan	64,440,325 =====	430,224,072 =====	- =====	494,664,397
Jumlah aset bukan aset kewangan				4,687
				494,669,084 =====
Liabiliti				
Amaun terhutang kepada Pemegang Amanah	-	-	23,985	23,985
Pelbagai pemiutang dan akru	-	-	49,200	49,200
Amaun terhutang kepada Syarikat Pengurusan	-	-	23,133,145	23,133,145
Jumlah liabiliti kewangan	- =====	- =====	23,206,330 =====	23,206,330 =====
			Pendapatan, perbelanjaan, keuntungan dan kerugian	RM
Pendapatan dividen				219,591
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan dan sekuriti berpendapatan tetap				2,715,459
Kerugian bersih di atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")				1,363,917 =====

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

17. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)**(b) Instrumen-instrumen kewangan dibawa pada nilai saksama**

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

(i) Instrumen ekuiti yang disebut harga

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada harga tawaran pasaran yang diterbitkan pada tarikh pelaporan.

Untuk instrumen yang disebut harga dalam Bursa Malaysia, harga tawaran pasaran adalah ditentukan dengan merujuk kepada harga penutup pasaran yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia. Harga tawaran pasaran instrumen ekuiti yang disebut harga dalam bursa saham yang lain ditentukan dengan merujuk kepada maklumat awam yang dikeluarkan oleh bursa saham berkenaan.

(ii) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Instrumen ekuiti yang tidak disebut harga

Untuk instrumen ekuiti yang tidak disebut harga, nilai saksamanya dikira pada kos kecuali bagi ekuiti yang sudah tidak disenaraikan dalam Bursa Malaysia, yang mana nilai saksamanya disusutkan sehingga sifar.

Unit Amanah mengklasifikasikan ukuran nilai saksama dengan menggunakan hierarki nilai saksama yang mencerminkan kepentingan input atau sumber yang digunakan dalam membuat ukuran tersebut. Hierarki nilai saksama mempunyai tahap-tahap seperti berikut:

Tahap 1 - Harga yang disebut harga (tidak terlaras) di pasaran aktif untuk aset-aset atau liabiliti-liabiliti yang serupa.

Tahap 2 - Teknik penilaian di mana input peringkat terendah yang ketara bagi ukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak.

Tahap 3 - Teknik penilaian di mana input peringkat terendah yang ketara bagi ukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

17. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)**(b) Instrumen-instrumen kewangan dibawa pada nilai saksama (samb.)**

Jadual berikut menunjukkan analisis instrumen kewangan yang ditakrif pada nilai saksama menggunakan hierarki nilai saksama:

	Tahap 1 RM	Tahap 2 RM	Tahap 3 RM	Jumlah RM
2023				
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)				
Pelaburan disebut harga	109,405,589	-	-	109,405,589
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	346,607,305	-	346,607,305
	<u>109,405,589</u>	<u>346,607,305</u>	<u>-</u>	<u>456,012,894</u>
	=====	=====	=====	=====

2022**Aset kewangan pada FVTPL**

Pelaburan disebut harga	64,440,325	-	-	64,440,325
	=====	=====	=====	=====

Tiada pemindahan status instrumen ekuiti di antara Tahap 1, 2 dan 3 bagi tahun kewangan semasa.

(c) Instrumen-instrumen kewangan bukan dibawa pada nilai saksama dan yang mana nilai bawaannya adalah anggaran nilai saksama yang wajar

Kelas-kelas instrumen kewangan yang bukan dibawa pada nilai saksama dan yang mana nilai bawaannya adalah anggaran nilai saksama yang wajar adalah seperti berikut:

- Deposit dengan institusi kewangan berlesen
- Pendapatan belum diterima
- Pelbagai pemiutang atau akru
- Amaun terhutang kepada/daripada Syarikat Pengurusan
- Amaun terhutang kepada/daripada Pemegang Amanah
- Amaun terhutang kepada/daripada Broker

Instrumen kewangan dibawa pada anggaran nilai saksama yang wajar oleh kerana sifat jangka pendek instrumen.

Tiada instrumen kewangan yang bukan dibawa pada nilai saksama dan yang mana nilai bawaannya adalah anggaran nilai saksama yang tidak wajar.

Asas dan kaedah penentuan nilai saksama instrumen kewangan Unit Amanah pada tahun semasa adalah konsisten dengan tahun sebelumnya.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

18. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**(a) Pengenalan**

Unit Amanah mengekalkan portfolio pelaburan yang terdiri daripada pelbagai instrumen kewangan yang tersenarai dan tidak tersenarai seperti yang ditetapkan di dalam Surat Ikatan Unit Amanah dan strategi pengurusan pelaburan.

Unit Amanah terdedah kepada pelbagai risiko termasuk risiko pasaran (seperti risiko kadar faedah dan risiko harga ekuiti), risiko kredit dan risiko kecairan. Sungguhpun risiko-risiko ini merupakan risiko-risiko utama yang terkandung di dalam setiap instrumen kewangan, namun begitu, Syarikat Pengurusan dan Pemegang Amanah ingin menegaskan bahawa risiko pelaburan Unit Amanah tidak hanya terhad kepada risiko-risiko yang dinyatakan di sini sahaja.

Objektif utama pengurusan risiko kewangan Unit Amanah ialah untuk mewujudkan dan melindungi nilai pemegang-pemegang unit. Risiko memang wujud dalam aktiviti-aktiviti Unit Amanah tetapi ianya terkawal melalui proses kenalpasti, pengukuran dan pemantauan risiko yang berterusan. Pengurusan risiko kewangan juga dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman yang kukuh dan pematuhan kepada had-had pelaburan seperti yang ditakrifkan di dalam Surat Ikatan Unit Amanah, Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Syarikat Pengurusan sentiasa mengambil langkah berhemat serta wajar untuk mengenalpasti segala kemungkinan risiko bagi mengurangkan potensi kerugian kepada pihak pemegang-pemegang unit. Di samping itu juga, risiko kerugian modal pemegang-pemegang unit dapat dikurangkan dengan adanya mekanisma jaminan harga pada RM1.00 seunit Unit Amanah jika NAB seunit kurang dari RM1.00 dalam tempoh jaminan seperti yang ditetapkan oleh Surat Ikatan Unit Amanah.

(b) Struktur pengurusan risiko

Pengurus Unit Amanah bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan mengawal risiko sementara Lembaga Pengarah Syarikat Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendekatan pengurusan risiko Unit Amanah.

(c) Pengukuran risiko dan sistem pelaporan

Pemantauan dan pengawalan risiko adalah berlandaskan had-had yang ditetapkan oleh pihak Syarikat Pengurusan. Had-had ini mencerminkan strategi pelaburan dan persekitaran semasa pasaran serta tahap risiko yang sanggup ditanggung oleh Unit Amanah. Di samping itu, Unit Amanah juga memantau dan mengukur tahap risiko secara keseluruhannya menerusi pendedahan risiko yang merangkumi setiap jenis risiko dan aktiviti.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

18. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)**(d) Pengurangan risiko**

Unit Amanah mempunyai garis panduan pelaburan yang menetapkan strategi keseluruhan perniagaan, toleransi risiko dan falsafah pengurusan risiko. Syarikat Pengurusan dibantu oleh Unit Pematuhan untuk memastikan Unit Amanah mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang ditetapkan di dalam Surat Ikatan Unit Amanah, Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Sepanjang tahun kewangan semasa dan sebelumnya, adalah menjadi polisi Unit Amanah untuk tidak menguna pakai derivatif bagi tujuan pelaburan mahupun pengurusan risiko pelaburan.

(e) Tumpuan berlebihan risiko

Penumpuan menandakan kepekaan prestasi Unit Amanah terhadap perkembangan yang melibatkan industri tertentu atau lokasi geografi. Tumpuan risiko timbul apabila beberapa instrumen kewangan atau kontrak dimeterai dengan rakan niaga yang sama, atau di mana beberapa pihak terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang serupa, atau aktiviti-aktiviti di rantau geografi yang sama, atau mempunyai ciri-ciri ekonomi serupa yang mungkin menyebabkan kemampuan mereka untuk memenuhi obligasi kontraktual turut terjejas sama ada oleh perubahan ekonomi, keadaan politik atau lain-lain keadaan.

Polisi dan prosedur Unit Amanah untuk mengelakkan tumpuan berlebihan risiko termasuk garis panduan khusus untuk mempelbagaikan portfolio seperti digariskan oleh Surat Ikatan Unit Amanah, Garis Panduan Pengurus Dana dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti. Secara khususnya, Surat Ikatan Unit Amanah dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti menghadkan pelaburan Unit Amanah di dalam setiap satu syarikat atau sektor industri ke suatu kadar peratusan NAB Unit Amanah yang telah ditetapkan. Kepelbagaian portfolio yang merangkumi beberapa sektor dan industri berlainan bukan sahaja meminimalkan risiko rosot nilai saham sesebuah syarikat tetapi meminimalkan juga risiko keseluruhan pegangan saham terjejas sekaligus akibat persekitaran perniagaan yang teruk.

(f) Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko di mana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan akan turun-naik disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah dan tukaran wang asing serta harga saham. Risiko maksimum instrumen kewangan bersamaan dengan nilai saksamanya.

Risiko pasaran terdiri daripada risiko seperti berikut:

(i) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah terbit daripada perubahan kadar faedah yang menjejaskan nilai pulangan instrumen kewangan. Pergerakan kadar faedah dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi semasa sama ada dari sudut domestik, serantau mahupun ekonomi dunia dan ianya turut dipengaruhi oleh perkembangan politik.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

18. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)**(f) Risiko pasaran (samb.)****(i) Risiko kadar faedah (samb.)**

Wang tunai dan lain-lain sekuriti pendapatan tetap adalah sensitif terhadap pergerakan dalam kadar faedah. Apabila kadar faedah meningkat, pulangan ke atas wang tunai akan meningkat manakala nilai bawaan sekuriti pendapatan tetap akan jatuh dan sebaliknya, dengan demikian mempengaruhi NAB Unit Amanah. Apabila kadar faedah dijangka meningkat, pendedahan kepada sekuriti pendapatan tetap akan dikurangkan kepada tahap yang dapat diterima.

Pelaburan Unit Amanah dalam aset-aset kewangan adalah berbentuk jangka pendek dan kebanyakannya dilabur di dalam instrumen pasaran wang di mana pulangannya adalah lebih baik berbanding tunai di bank.

(ii) Risiko harga ekuiti

Risiko harga ekuiti merupakan risiko daripada perubahan yang tidak diingini dalam nilai saksama ekuiti akibat perubahan dalam paras indeks ekuiti dan nilai saham individu. Pendedahan risiko harga ekuiti timbul daripada pelaburan Unit Amanah dalam ekuiti disebut harga.

(iii) Risiko kredit

Risiko kredit ialah risiko pihak yang berurusanniaga untuk sesuatu instrumen kewangan gagal menunaikan kewajipan sehingga mengakibatkan kerugian kewangan kepada Unit Amanah. Unit Amanah terdedah kepada risiko kerugian yang berkaitan dengan kredit jika pihak yang berurusanniaga/pihak yang mengeluarkan sesuatu instrumen kewangan gagal atau tidak mematuhi tuntutan kontrak untuk melunaskan faedah, prinsipal dan perolehan dari penjualan pelaburan dalam masa yang ditetapkan. Pendedahan kredit tersebut wujud dalam urusanniaga pembiayaan, derivatif dan lain-lain transaksi.

Syarikat Pengurusan mengawal risiko kredit Unit Amanah dengan menjalankan penilaian kredit dan pemantauan teliti ke atas sebarang perubahan profil kredit pihak yang menerbit/pihak yang berurusanniaga sesuatu instrumen kewangan. Adalah menjadi polisi Unit Amanah untuk menjalankan urusanniaga instrumen kewangan dengan pihak yang mempunyai reputasi baik. Syarikat Pengurusan juga memantau secara dekat kepercayaan kredit pihak yang berurusanniaga dengan Unit Amanah (seperti broker, institusi perbankan, kustodian dan sebagainya) dengan menyemak dari semasa ke semasa kadaran dan profil kredit pihak-pihak tersebut.

Pada tarikh pelaporan ini, pendedahan maksimum Unit Amanah pada risiko kredit diwakili oleh amaun bawaan bagi setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

Tidak ada satupun aset kewangan Unit Amanah yang melepasi tempoh ataupun rosot nilai pada 31 Disember 2023.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

18. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)**(f) Risiko pasaran (samb.)****(iv) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko di mana Unit Amanah akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan berkenaan dengan liabiliti kewangan akibat daripada kekurangan dana atau aset kewangan lain.

Pendedahan Unit Amanah kepada risiko kecairan timbul disebabkan oleh kemungkinan Unit Amanah dikehendaki membayar liabilitinya ataupun menebus unit-unit lebih awal dari jangkaan.

Unit Amanah sentiasa terdedah kepada risiko pembelian balik tunai unit. Unit yang dijual kepada pemegang-pemegang unit oleh Syarikat Pengurusan dibeli balik mengikut pilihan pemegang-pemegang unit pada kadar NAB seunit atau pada harga minima RM1.00 seunit seperti yang ditetapkan oleh Surat Iktan Unit Amanah.

Adalah menjadi polisi Syarikat Pengurusan untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 5% daripada NAB Unit Amanah dalam bentuk aset mudah tunai untuk memenuhi keperluan operasi semasa dan juga untuk memenuhi permintaan pembelian balik oleh pemegang-pemegang unit.

Pihak Pengurus Dana telah menetapkan beberapa kaedah bagi mengurus risiko kecairan antaranya:

- (i) Memperuntukkan sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) NAB Unit Amanah dalam instrumen pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan/atau deposit. Ini akan membolehkan Unit Amanah mempunyai penimbal yang mencukupi untuk memenuhi permintaan pembelian balik oleh pemegang-pemegang unit.
- (ii) semakan berkala oleh Pengurus Dana ke atas profil kecairan portfolio pelaburan.
- (iii) pemantauan harian aliran bersih Unit Amanah dan menjalankan ujian tekanan kecairan atau "liquidity stress testing" berkala untuk menguji kebolehan sesuatu pelaburan untuk menghadapi pelbagai situasi kewangan di masa hadapan. Ujian berkala sedemikian akan turut membantu untuk memastikan Pengurus Dana sentiasa peka dan bersedia untuk mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani sebarang risiko kecairan portfolio Unit Amanah.

Aset mudah tunai adalah dalam bentuk wang tunai, deposit dengan institusi kewangan yang berlesen dan lain-lain instrumen yang boleh ditukar kepada wang tunai dalam tempoh 7 hari.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

18. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)**(f) Risiko pasaran (samb.)****(iv) Risiko kecairan (samb.)****Nota:****(i) Aset-aset kewangan**

Analisis aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi menurut lingkungan kematangan adalah berdasarkan kepada tarikh jangkaan di mana aset-aset ini akan direalisasikan. Sekuriti ekuiti yang disebut harga termasuk ke dalam "Kategori kurang daripada 1 bulan" berdasarkan andaian bahawa sekuriti ini adalah pelaburan mudah cair yang boleh direalisasikan sekiranya semua modal pemegang-pemegang unit Amanah perlu ditebuskan. Bagi lain-lain aset, analisa lingkungan kematangan adalah berdasarkan kepada baki tempoh dari pengakhir tempoh pelaporan ke tarikh matang kontrak atau jika lebih awal, tarikh jangkaan bilamana aset akan direalisasikan/tarikh kematangan untuk sekuriti hutang.

(ii) Liabiliti kewangan

Lingkungan kematangan adalah berdasarkan kepada baki tempoh dari pengakhir tempoh pelaporan ke tarikh kematangan kontrak. Apabila parti niaga mempunyai pilihan mengenai tarikh bilamana jumlah akan dibayar, liabiliti akan diperuntukan kepada tempoh yang terawal di mana Unit Amanah dikehendaki membayarnya.

(g) Risiko khusus

Unit Amanah terdedah kepada risiko tersendiri bagi setiap syarikat yang menerbitkan sekuriti termasuklah perubahan prestasi perniagaan syarikat, citarasa dan kehendak pelanggan, tindakan undang-undang dan tatacara pengurusan syarikat. Unit Amanah meminimakan risiko tersebut melalui pempelbagaian pelaburan.

(h) Risiko inflasi

Risiko inflasi bermaksud nilai pelaburan pemegang-pemegang unit di dalam Unit Amanah tidak berkembang sejajar dengan kadar inflasi, meskipun jumlah pelaburan dari segi wang-ringgit bertambah, sehingga menyebabkan kuasa beli pemegang-pemegang unit berkurangan.

(i) Risiko pematuhan

Ketidakpatuhan kepada peraturan serta garis panduan yang ditetapkan oleh Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti mungkin akan menjejaskan pelaburan pemegang-pemegang unit di dalam Unit Amanah.

Nota-nota berkenaan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) – 31 Disember 2023

18. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)**(j) Risiko penerbit tunggal**

Polisi dalaman dan juga ketetapan garis panduan luaran menghadkan pelaburan Unit Amanah di dalam sekuriti yang diterbitkan oleh mana-mana satu penerbit untuk tidak melebihi kadar peratusan tertentu daripada NAB Unit Amanah. Dengan batasan seperti ini, risiko pendedahan sekuriti kepada mana-mana satu penerbit dapat dikurangkan.

(k) Risiko perundangan

Sebarang perubahan dalam polisi dan perundangan nasional berkemungkinan memberi kesan pada pasaran modal.

(l) Risiko pengurusan

Pengurusan dana yang lemah mungkin menyebabkan kerugian besar kepada Unit Amanah dan seterusnya memberi kesan kepada modal pelaburan pemegang-pemegang unit.

19. PENGURUSAN MODAL

Modal pemegang-pemegang unit boleh berubah bergantung kepada permintaan pemegang-pemegang unit untuk menebus dan membeli pelaburan. Kelulusan saiz Unit Amanah dan unit yang diterbitkan pada akhir tahun kewangan telah dinyatakan dalam Nota 11(a). Objektif-objektif pengurusan modal Unit Amanah adalah seperti berikut:

- (a) Untuk melabur dalam pelaburan yang menepati deskripsi, pendedahan risiko pelaburan dan jangkaan pulangan yang dinyatakan dalam prospektus pelaburan.
- (b) Untuk mencapai pulangan pelaburan yang konsisten sementara melindungi modal pemegang-pemegang unit melalui pelbagai strategi pelaburan.
- (c) Untuk mengekalkan kecairan modal yang mencukupi dalam memenuhi perbelanjaan Unit Amanah dan di masa permintaan penembusan pelaburan.
- (d) Untuk mengekalkan saiz Unit Amanah yang cukup untuk mencapai operasi Unit Amanah yang kos-efisien.

MAKLUMAT KORPORAT ASSAR

SYARIKAT PENGURUSAN

Amanah Saham Sarawak Berhad (260166-D)

PEJABAT BERDAFTAR / URUSAN

Lot 357, Section 5, KTLD Jalan Satok

93400 Kuching, Sarawak

Tel: 082-231433

Email : assar@assar.com.my

Laman Web: www.assar.com.my

AHLI LEMBAGA PENGARAH

YBhg Dato Sri Haji Wahab Haji Dolah (Pengerusi)

YBhg Datu Haji Soedirman Haji Aini

YBhg Datu Hasmawati Sapawi

YA Datu Saferi Ali

YBhg Datin Josephine Anak Hilary Dom

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Puan Norlia Haji Madon

SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Lim Mei Fung

Encik Addy Badiozaman Dollah

JAWATANKUASA PELABURAN

YBhg Datu Hasmawati Sapawi

YA Datu Saferi Ali

YBhg Datin Josephine Anak Hilary Dom

YBhg Datu Haji Soedirman Haji Aini

JAWATANKUASA KUMPULAN AUDIT DAN

PEMATUHAN

YBhg Datu Haji Soedirman Haji Aini

YBhg Datin Josephine Anak Hilary Dom

Encik Peter Chin Mui Khiong

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

YBhg Datu Sr Haji Zaidi Haji Mahdi

YBhg Datu Haji Soedirman Haji Aini

YBhg Datu Jumastapha Bin Lamat

PEGAWAI PEMATUHAN KANAN

Puan Ng Boon Wank

PENGURUS DANA

AHAM Asset Management Berhad (429786-T)

Ground Floor, Menara Boustead,

69 Jalan Raja Chulan

50200 Kuala Lumpur

Tel: 03-2116600

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

Tingkat 2, Wisma AmanahRaya II

No 21, Jalan Melaka

50100 Kuala Lumpur

BANK

CIMB Bank Berhad

Banking Hall, Menara Southern Bank

83, Medan Setia 1

Plaza Damansara

50490 Kuala Lumpur

RHB Bank Berhad

Ground Floor Lot 363

Jalan Kulas P.O. Box 2049

93740 Kuching Sarawak

RHB Islamic Bank Bhd

Lot 474 & 475, Section 6

KTLD, 192-E & 192-F

Jalan Satok

93400 Kuching Sarawak

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Raja, Darryl & Loh

Level 26, Menara Hong Leong

No.6, Jalan Damanlela

Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

Tetuan Reddi & Co Advocates

REDDI Building, No 393

Jalan Datuk Abang Abdul Rahim

93450 Kuching Sarawak

JURUAUDIT

Ernst & Young

3rd Floor, Wisma Bukit Mata Kuching

Jalan Tunku Abdul Rahman

93100 Kuching Sarawak

PENASIHAT PENCUKAIAN

Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd

2nd Floor, Wisma Bukit Mata Kuching

Jalan Tunku Abdul Rahman

93100 Kuching Sarawak

EJEN-EJEN KUTIPAN

Cawangan RHB Bank Malaysia Berhad terpilih

Semua Pejabat Daerah di Sarawak

Semua Pejabat Pos Berkomputer di Sarawak

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

AMANAH SAHAM SARAWAK BERHAD

Lot 357, Section 5, KTLD

Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak

Tel: 019-3461433/082-231433 Fax: 082-231461

e-mel: assar@assar.com.my